



Siasat skandal Najib dan 1MDB

Selamatkan Malaysia!

Tuduhan Wall Street Journal terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak perlu dipandang serius kerana tidak pernah berlaku dalam sejarah negara

- Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail

LAPORAN LANJUT DI MUKA 2



Laman web Sarawak Report (SR) menerbitkan siri gambar menunjukkan Perdana Menteri dan keluarga menghabiskan masa bercuti dengan Low Taek Jho serta ketua PetroSaudi International (PSI), Putera Turki Abdullah Al Saud. Turut terpapar dalam gambar itu ialah anak Datuk Seri Najib Razak, Nor Ashman dan Nooryana Najwa, selain Ketua Pegawai Eksekutif PSI Tarek Essam Ahmad Obaid yang dinamakan sebagai pengasas bersama syarikat berkenaan.

1MDB: 3 akaun bank milik Najib dibeku

SHAH ALAM - Pasukan petugas khas mendedahkan pembeukan enam akaun bank berkaitan dakwaan RM2.6 bilion dana 1Malaysian Development Berhad (1MDB) dipindahkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Perintah pembekuan enam akaun bank milik pihak yang dipercayai terlibat dalam kes itu dikeluarkan, pada 6 Julai lalu.

Selain itu, Pasukan Petugas Khas turut mengambil dokument berkaitan 17 akaun dari

dua buah bank bagi membantu siasatan.

"Pasukan Petugas Khas juga mengambil dokumen melibatkan isu ketidakpatuhan peraturan dan kaedah Bank Negara Malaysia oleh bank terbabit."

"Siasatan masih berjalan. Pasukan Petugas Khas menyeru semua pihak memberi kerjasama sepenuhnya bagi melengkapkan siasatan," katanya dalam kenyataan media.

Memetik Malaysia Kini, difahamkan bahawa tiga daripada

akaun terbabit adalah milik perdana menteri.

"Ya, tiga akaun kepunyaannya (Najib)," kata sumber itu dengan syarat tidak mahu namanya disiarkan.

Pembekuan akaun itu ekoran penyiasatan selama empat hari oleh empat badan yang terdiri daripada Bank Negara, polis, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ia dibuat selepas laporan Wall Street Journal (WSJ) yang

mendakwa AS\$700 juta (RM2.6 bilion) didepositkan ke dalam akaun peribadi Najib.

Dilaporkan, Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail mengesahkan pasukan petugas itu juga membuat serbuan ke atas tiga syarikat pada dan merampas dokumen, pada 3 Julai lalu.

WSJ mempertahankan laporannya dan berkata laporan itu berdasarkan penyiasatan yang dijalankan pihak berkuasa Malaysia.

Siasat akaun bank Najib segera

Persoalannya, adakah transaksi itu masih berlaku gagal dijawab. Kita mengharapkan semua agensi bertanggungjawab menyiasat secara menyeluruh, adil dan saksama

BERITA DI MUKA 2

Jelajah 31 lokasi hulur sumbangan kebajikan

Bermula dari Shah Alam, 12 sukarelawan, satu kontena, dua lori dan tujuh kendaraan biasa bergerak ke Pasir Salak sebelum ke Ipoh, dan Bukit Gantang, Perak

BERITA DI MUKA 4

Tiada catuan, sumber bekalan dipertingkat

Kerja pemberian awan dijalankan setiap hari dan Projek Hybrid off River Augmentation System (HORAS) turut membantu usaha mengekalkan bekalan

BERITA DI MUKA 7

3 PBT sedia bas percuma Selangorku

RM3.6 juta diperuntukkan bagi perkhidmatan berkenaan yang beroperasi di kawasan seliaan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

BERITA DI MUKA 8,9,10 & 17

Subang Jaya menuju bandaraya hijau 2030

ia merupakan inisiatif MPSJ memulihara alam sekitar dan mewujudkan perbandaran mapan bagi mencapai taraf Bandar hijau menjelang 2030 melalui tujuh sektor melibatkan bangunan hijau, laluan semulajadi, udara bersih, sisa sifar, pengangkutan hijau, langkah ringan eko dan air bersih.

TEMU BUAL EKSKLUSIF BERSAMA DATUK BANDAR SUBANG JAYA, DATUK NOR HISHAM AHMAD DAHLAN DI MUKA 18&19

Dakwaan Wall Street Journal

Siasat akaun bank Najib segera

OLEH AFEEQA AFEERA

KUALA LUMPUR - Siasatan menyeluruh badan profesional perlu dilakukan segera bagi menyiasat dakwaan Wall Street Journal (WSJ) berhubung pemindahan hampir AS\$700 juta ke dalam akaun bank peribadi, Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali, berkata Najib

perlu bertanggungjawab membersihkan namanya dan menyatakan kepada umum sama ada dakwaan itu benar atau sebaliknya.

"Sehingga hari ini, beliau gagal meyakinkan rakyat dan negara bahawa transaksi itu berlaku. Hal itu kerana kenyataan dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri (PMO) terlalu lemah dan sekadar menyatakan bukan kepentingan peribadi.

"Persoalannya, adakah transaksi itu masih berlaku gagal dijawab. Kita mengharapkan semua agensi bertanggungjawab menyiasat secara menyeluruh, adil dan saksama," katanya kepada Selangor Kini.

Mohamed Azmin yang juga Dato' Menteri Besar Selangor berkata, badan bertanggungjawab seperti Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu bertindak profesional untuk memastikan amalan rasuah tidak terus berlaku.

Katanya, tindakan keras harus diambil terhadap mereka yang bersalah dan terlibat dengan rasuah.

"Saya enggan membuat tuduhan, namun kita mahu siasatan menyeluruh secara profesional dilakukan segera untuk member-

sihkan nama Perdana Menteri," katanya.

Terdahulu, WSJ melaporkan berlaku perpindahan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bernilai hampir AS\$700 ke akaun perseorangan yang menggunakan nama 'Dato' Seri Mohd Najib Bin Hj Abd Razak' sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Tubuh Suruhanjaya Siasatan Diraja siasat PM

SHAH ALAM - Suruhanjaya Siasatan Diraja perlu ditubuhkan bagi menyiasat isu transaksi RM2.6 bilion ke akaun peribadi Perdana Menteri ekoran dakwaan The Wall Street Journal (WSJ) yang mencetus suasana buruk terhadap maruah dan integriti Kera-

jaan Malaysia.

Ketua Penerangan PAS Pusat, Nasrudin Hassan, berkata siasatan telus dan bebas harus dilakukan, bahkan pada masa sama prinsip Islam dalam proses siasatan itu perlu ditegakkan sepenuhnya.

Katanya, pendakwaan juga har-

us berpaksi pada bukti jelas dan kukuh sementara pihak dituduh diberi peluang bersumpah serta membuat penafian meyakinkan jika tidak mengaku bersalah.

"Jangan biar negara tergantung tanpa tindakan segera yang berkesan kerana bukan sahaja

merosakkan nama baik tetapi memberi kesan langsung pada kestabilan ekonomi dan politik tanah air," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, Sidang Khas Parlimen juga perlu dipanggil bagi membolehkan Datuk Seri

Najib Razak memberi penjelasan kepada Ahli Parlimen dan menjawab persoalan serta kekeliruan berbangkit.

"Yang didapati bersalah mesti bertanggungjawab dan diambil tindakan sewajarnya sesuai dengan bentuk kesalahan," katanya.

Panggil Gabenor & Peguam Negara ke Parlimen

KUALA LUMPUR - Sidang khas patut diadakan dengan memanggil Gabenor Bank Negara dan Peguam Negara bagi memberi keterangan di Parlimen berkenaan perkembangan isu 1MDB.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak pada masa sama wajar bercuti sementara ketika siasatan dijalankan.

Katanya, dakwaan Wall Street Journal (WSJ) terhadap Najib perlu dipandang serius kerana tidak pernah berlaku dalam sejarah apabila Perdana Menteri dituduh oleh sebuah penerbitan besar dunia.

"Pendedahan WSJ itu juga mempersoalkan keabsahan Pilihan Raya Umum ke-13 jika sejumlah wang rakyat digunakan membantu kemenangan pilihan Raya Barisan Nasional.

"Tuduhan ke atas kredibiliti Perdana Menteri adalah isu yang besar kerana melibatkan kebolehpercayaan rakyat terhadap negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pertemuan tergempak Ahli Parlimen dan wakil badan bukan kerajaan (NGO) yang diadakan di tapak kawad kehormat, bangunan Parlimen, pada 7 Julai lalu.

Katanya, oleh kerana persetujuan Perdana Menteri diperlukan



sebelum sidang Parlimen tergempak dipanggil berkenaan sesuatu isu, sudah tentu sesi itu tidak dipanggil.

"Ini merendahkan martabat Parlimen di mata rakyat apabila tidak berbuat apa-apa ketika krisis keyakinan rakyat terhadap Perdana Menteri memuncak," katanya.

Beliau berkata, inisiatif diam-bil untuk sidang tidak rasmi bagi memberi peluang Ahli Parlimen

dan wakil masyarakat menyuarakan pandangan.

"Diharap ini merintis amalan sama di masa hadapan apabila Ketua Pembangkang terus memanggil sesi tergempak tidak rasmi dalam bentuk kaukus.

"Semua kumpulan prihatin perlu menyusun gerakan rakyat yang menolak sebarang bentuk penyelewengan dan sebarang usaha melindungi mana-mana pihak," katanya.

Cuti atau bubar Parlimen

SHAH ALAM - Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng mencadangkan Parlimen dibubarkan segera bagi memberikan laluan kepada pilihan raya baharu.

Guan Eng berkata, pilihan raya umum bersih perlu diadakan secepat mungkin selepas pendedahan Wall Street Journal (WSJ) dan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang kian berlarutan.

Sementara itu, aktivis masyarakat, S Ambiga pula mencadangkan Ahli Parlimen meminta Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mendesak Najib supaya bercuti segera untuk memudahkan siasatan berkenaan.

WSJ mendedahkan apa yang didakwa itu sebagai dokumen yang menjadi bukti tuduhannya terhadap Najib dan rajah bagaimana

Pilihan raya umum bersih perlu diadakan secepat mungkin selepas pendedahan Wall Street Journal (WSJ) dan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang kian berlarutan

na wangi dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri.

WSJ juga mendakwa, sumber dokumen itu adalah daripada 'Penyiasatan kerajaan Malaysia'.

Beberapa butiran antaranya lima digit terakhir bagi akaun Aml Islamic Bank Bhd yang sudah disunting.

Kekalkan dasar bersama Pakatan

SUNGAI BULOH - Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semangat dan dasar bersama Pakatan Rakyat (Pakatan) yang dibina dikekalkan.

Katanya, Pakatan adalah penje-lmaan idea muafakat yang dicetuskan rakyat menuntut perubahan.

"Dengan muafakat baru ini, kita perlu menjana perubahan dengan wadah lebih kukuh dan utuh menggembung tidak sekadar wadah parti malah wadah rakyat lebih inklusif."


"Ia mencakup semua kalangan yang setia pada semangat perju-

angan memartabatkan setiap insan di negara Malaysia tercinta," kata Anwar menyampaikan perutusan melalui peguamnya Sivarasa Rasiah.

Anwar berkata, pimpinan ketiga-parti ketika itu menyahut hasrat rakyat yang mahu kebebasan dan keadilan; negara hukum; pembanterasan rasuah dan penyelewengan kuasa serta ekonomi yang saksama.

"Maka pimpinan Pakatan menerima asas perlombagaan negara dan mencerakinkan agenda bersama tatakelola negara; agama; ekonomi; pendidikan; dan budaya," katanya.

MAJLIS RUMAH TERBUKA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA EIDUL FITR PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2015



19 JULAI 2015 (AHAD)
10.00 PAGI HINGGA 3.00 PETANG
PERKARANGAN STADIUM SHAH ALAM

YAB MOHAMED AZMIN ALI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

SEMUA DIJEMPUT HADIR

PENGANGKUTAN BAS KE LOKASI MAJLIS DISEDIAKAN DI
STESEN KOMUTER BATU 3 DAN SEKSYEN 19, SHAH ALAM

Program Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat

Jelajah 31 lokasi hulur sumbangan tingkat kebajikan

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Program Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat anjuran Pejabat Dato' Menteri Besar meriah 31 lokasi di Utara, Selatan dan Pantai Timur memulakan sesi jelajah pada 2 hingga 9 Julai.

Bermula dari Shah Alam, 12 sukarelawan, satu kontena, dua lori dan tujuh kenderaan biasa bergerak ke Pasir Salak sebelum ke Ipoh, dan Bukit Gantang, Perak, pada 2 Julai lalu.

Mereka kemudian bergerak Seberang Jaya, Pulau Pinang sebelum ke Kedah membabitkan dua lokasi iaitu Kulim dan Alor Star yang bakal berakhir di Kangar, Perlis, pada 3 dan 4 Julai lalu.

Pada 5 dan Julai lalu, kembara berkenaan meneruskan perjalanan ke arah Selatan membabitkan tiga negeri iaitu Negeri Sem-

bilan, Melaka dan Johor sebelum meneruskan misi di Pantai Timur, bermula 6 hingga 9 Julai ini.

Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar, Shuhaimi Shafei, berkata program itu menyalurkan sumbangan kepada golongan memerlukan.

"Ia sebagai tanda ingatan sempena Ramadan, di samping meringankan beban kumpulan sasar menjelang Syawal."

"Sumbangan berbentuk barang makanan kering itu ditaja anak syarikat Kerajaan Negeri, syarikat korporat, badan bukan kerajaan dan perseorangan," katanya pada majlis pelancaran disempurnakan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali di Dataran SUK, di sini.

Sebanyak 5,000 bungkusan hamper diagihkan ke seluruh semenanjung sepanjang 10 hari jelajah itu berlangsung.

Amalan kepedulian tidak terbatas

SEREMBAN - Kepedulian rakyat yang diamalkan Kerajaan Selangor tidak terbatas dan merangkumi seluruh masyarakat di negara ini, kata Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid,

Abdullah Sani berkata, pendekatan itu diperlakukan Kerajaan Pakatan Selangor sejak awal pentadbiran hingga hari ini.

"Selangor menjalankan tanggungjawab membantu negeri yang memerlukan bantuan. Ia bermaksud, kita pergi terus kepada rakyat tidak kira walaupun di negeri lain."

"Ia bagi membantu orang ramai menyambut Ramadan dan Aidilfitri terutama dalam keadaan harga barang naik, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan apungan miyak tidak menentu," katanya.

Beliau berkata, program bantuan dijalankan Kerajaan Selangor adalah berterusan termasuk mangsa banjir di Kelantan yang dibantu dengan pembinaan 66 rumah baharu.

Sementara itu, Adun Sikamat,

Aminuddin Harun, berkata program jelajah yang dijalankan adalah usaha baik daripada Kerajaan Selangor di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang tidak hanya meningkatkan keperluan rakyat di negeri itu.

"Ini yang kita mahukan. Pemimpin harus melihat bukan sahaja di kawasannya tetapi lokasi lain bagi memastikan kebajikan rakyat dijaga."

"Kita tidak mahu pemimpin hanya pandai bercakap dan berkata-kata," katanya.

Simbolik penyerahan 100 hamper dibuat Abdullah Sani kepada Aminuddin yang juga Pengurus PKR Negeri Sembilan dalam program Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat, di sini.



Ibu tunggal 11 anak terharu

PASIR SALAK - Tiada apa yang mampu diungkapkan seorang ibu tunggal yang mempunyai 11 anak selain bersyukur apabila menerima sumbangan keperluan harian dari Kerajaan Selangor.

Zaleha Tahir, 61, berkata sumbangan itu cukup bermakna kepadanya dan keluarga untuk menampung keperluan sepanjang Ramadan, bahkan tidak dapat dibalas dengan wang ringgit.

"Saya gembira dan terharu dengan keperihatinan Kerajaan Selangor terhadap golongan

seperti kami. Tidak kisah apa yang diterima, tapi saya sangat menghargai pemberian ini."

"Saya memang tidak pernah menerima sebarang sumbangan. Ini kali pertama saya terima."

"Saya juga tidak tahu bagaimana untuk memohon bantuan," katanya yang hanya bekerja di pasar borong bagi menyara anaknya selepas kematian suami beberapa tahun lalu.

Penerima lain, Abdul Aziz Othman, 67, menyifatkan pemberian sumbangan itu sebagai menghargai golongan kurang berkemampuan untuk men-



Zaleha Tahir

jalani ibadah puasa.

Seramai 150 penerima dari setiap cabang menerima sumbangan.

Prihatin derita masyarakat

LEDANG - Keprihatinan Pakatan Rakyat (Pakatan) terhadap kesusahan rakyat terbukti dalam gerak kerja yang diterapkan Kerajaan Selangor.

Ketua Cabang PKR Ledang, Dr Chong Fat Full, berkata saluran sumbangan dalam program Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat ke Johor membawa seribu makna kepada golongan memerlukan terutama dalam persiapan menyambut Aidilfitri.

"Kita juga menjalankan pelbagai program kebajikan, namun bersyukur kerana sumbangan dari Selangor dapat menam-



Dr Chong Fat Full

pung segala kekurangan pihak berkaitan."

"Sememangnya, negeri dipimpin Pakatan amat prihatin

dengan kebajikan rakyat," katanya.

Sebanyak 175 hamper diserahkan Exco Kerajaan Negeri, Elizabeth Wong kepada Fat Full untuk diagihkan kepada kumpulan sasar di Ledang.

Sementara itu, Ketua Cabang PKR Muar, Yatin Sarban, berkata bantuan itu tepat pada masa terutama ketika masyarakat membuat persiapan Ramadan dan sambutan Aidilfitri.

"Ia penting kerana menjadi tanggungjawab pemimpin menjaga kebajikan rakyat," katanya.

Beli Pusat Islam Warsaw

MBI & Muslim Care ke Poland

OLEH AFIX REDZUAN

POLAND - Delegasi Kerajaan Selangor bersama Muslim Care Malaysia berlepas ke Poland bagi memeterai pembelian sebuah Pusat Islam dengan keluasan 1,600 meter persegi di Warsaw.

Usahasama bersama badan bukan kerajaan (NGO) tempatan, Foundation of Dialogue and Tolerance Poland hasil daripada pendedahan berkenaan Muslim Care melalui pelajar Malaysia di Eropah.

Pusat Islam itu bakal berperanan sebagai masjid, pusat pendidikan kanak-kanak dan dewasa, aktiviti dakwah, pusat pengumpulan pelajar Malaysia serta pusat pengumpulan bekalan makanan halal kepada komuniti pelarian di Poland.

Delegasi itu turut melaksanakan misi bantuan bertujuan menzahirkan sokongan Muslim Care Malaysia dan Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) terhadap pelarian Chechnya yang menderita akibat pergerakan peperangan, sejak 20 tahun lalu.

Kerajaan Selangor diwakili Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, manakala Muslim



Delegasi MBI dan Muslim Care dalam misi kemanusian membantu masyarakat Islam Chechnya

Care Malaysia diketuai Setiausaha Agungnya, Zakaria Abd Latif.

Sementara itu, Zakaria berbuka puasa bersama pemilik rumah yang bakal dijadikan Pusat Islam itu berlangsung positif.

Katanya, rumah itu bernilai 1.625 juta Zloty atau RM1.7 juta dengan keluasan 18,000 kaki persegi yang terletak di Skalnica 7, Warsaw,

Delegasi meluangkan masa hampir dua jam melawat rumah berkenaan sambil berbincang berkenaan urusan dokumentasi

pembelian hartanah.

"Kami secara dasar bersetuju membeli hartanah itu, namun berharap tempoh bayaran pembelian dapat dilakukan selama setahun bergantung kepada persetujuan pemilik asal."

"Undang-undang dan dokumentasi ditandatangani perlu disertakan terma pewaris aset tidak boleh menuntut kembali rumah itu pada masa hadapan," katanya kepada Selangor Kini.

Misi ke Poland itu disertai 13 orang yang berlangsung dari 3 hingga 8 Julai.



Lapan keluarga pelarian Chechnya terima sumbangan

WARSAW - Misi Bantuan Kebajikan Pelarian Chechnya diteruskan dengan mengunjungi Pusat Islam Bodycha yang menempatkan 13 pelajar tempatan yang mendalamai Islam melalui penghayatan bacaan Al-Quran dan tazkirah dengan bimbingan guru.

Pusat Islam itu beroperasi tiga kali seminggu dari jam 11 pagi hingga 5 petang yang dipecahkan kepada tiga kumpulan.

Mereka berpeluang melawat dua masjid iaitu Osrodek Kultury Muzulmanskij dan Muzulmanskij Gminy Wyznaniowej yang terletak di bandar Warsaw.

Aktiviti delegasi diteruskan dengan membeli-belah barang keperluan harian di pasaraya Makro untuk diserahkan kepada keluarga pelarian Chechnya.

Delegasi Muslim Care Malaysia turut menyampaikan sumbangan berbentuk barang keperluan kepada lapan keluarga sejurus selesai iftar bersama mereka yang disempurnakan Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Daroyah Alwi.

Misi diteruskan dengan meninjau lebih dekat kehidupan masyarakat Chechnya di kem pelarian.



DATANG DAN MENANG

5 JUN ~ 17 JULAI 2015

Lokasi :

- ~ SACC MALL SHAH ALAM
- ~ KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM
- ~ KOMPLEKS PKNS BANGI



HELIZA HELMI

Temui Kami Ramadan Ini...



JAY JAY



NOWSEEHEART



MUHIBBAIN

Festival RAMADAN SELANGOR 2015
«Cerita Hari Raya Kita»



MB: RM5 juta biayai pendidikan al-Quran KUIS

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM5 juta bagi membiayai basiswa pendidikan pelajar Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pembiayaan itu bagi meringankan beban keluarga menampung pendidikan ekoran kos sara hidup semakin tinggi.

Katanya, ia juga bertujuan membuktikan komitmen Kerajaan Negeri terhadap pembangunan pendidikan al-Quran di Selangor.

"Lebih 400 anak Selangor tidak mendapat basiswa dan susah meneruskan pengajian ditambah keadaan ekonomi tidak stabil hingga menyukarkan keluarga membiayai pendidikan mereka.

"Kerajaan Negeri bersetuju

menyediakan RM5 juta sebagai basiswa pelajar KUIS dengan harapan pembangunan pendidikan al-Quran terus dimartabat supaya menjadi masyarakat bermaruah dan berpegang pada tuntutan agama," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Ijtima' Huffaz Selangor kali kesembilan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dekat sini, 5 Julai lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri akan mengenalpasti maa-had tahfiz dan sekolah rendah agama di beberapa daerah yang memerlukan kerja baik pulih membabitkan kelengkapan baru.

Katanya, ia berikutan kebanyaknya sekolah jenis itu tidak mendapat prasarana yang baik dan sempurna untuk sesi pembelajaran.



Pakatan Selangor tak ada masalah

SHAH ALAM - Pakatan Rakyat (Pakatan) Selangor tidak bermasalah seperti yang dicanang dan didakwa pihak luar, kata Naib Pengerusi DAP Selangor, Datuk Teng Chang Khim.

Chang Khim berkata, urusan Kerajaan Selangor yang melibatkan PKR, PAS dan DAP masih berjalan lancar seperti sebelum ini.

"Perbincangan antara parti komponen berjalan dengan baik

dan lancar.

"Jika ada masalah, kami tiada di sini untuk jalankan agenda negeri," katanya.

Terdahulu, beliau yang juga Exco Kanan Selangor hadir merasmikan Majlis Pelancaran Bas Selangorku di Stesen Komuter Shah Alam, di sini, pada 1 Julai lalu.

Pakatan dilaporkan mengadakan pertemuan bagi membincangkan hala tuju gabungan itu

di Selangor.

Berkongsi kenyataan sama, Naib Presiden PAS, Datuk Iskandar Abdul Samad, juga menegaskan Pakatan Selangor tidak pernah berantakan.

"Yang ada masalah itu peringkat pusat. Di Selangor, kita baik dan tiada masalah."

"Kami sibuk jalankan tugas dan selesaikan masalah rakyat," katanya.



Dron pantau pencerobohan hutan

KAJANG - Kerajaan Selangor melangkah setapak ke hadapan dalam isu pemeliharaan hutan dengan menerangkan dron bagi memantau aktiviti pencerobohan dari udara.

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong, berkata kapal terbang kecil tanpa pemandu itu bersedia diterbangkan pada bila-bila masa selepas mendapat pelepasan Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

"Kita ada pemantauan darat dan udara. Kini, kita guna teknologi baru iaitu dron yang lebih menjimatkan kos."

"Kita dah ada perkhidmatan ini khas untuk jabatan Kerajaan Negeri yang dikendalikan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)."

"Syaratnya, kena dapatkan kebenaran DCA kerana itu yang ditetapkan untuk setiap apa yang terbang di ruang udara negara," katanya pada sidang media Majlis Pelancaran Bazar Ramadan Mampan 2015 di Bazar Ramadan Taman Delima,

“

Syaratnya, kena dapatkan kebenaran DCA kerana itu yang ditetapkan untuk setiap apa yang terbang di ruang udara negara

ELIZABETH WONG
Exco Pelancongan

Batu 13, pada 1 Julai lalu.

Elizabeth berkata, pihak bertanggungjawab perlu menjalankan kerja pemetaan yang tepat terlebih dahulu sebelum penerbangan dron.

"Dahulu kita gunakan helikopter tetapi selepas pemetaan, dron boleh diterbangkan setiap tiga hingga empat bulan sekali untuk memantau hutan di Selangor," katanya.

MBI tunai zakat perniagaan RM2.5 juta

OLEH NAEEM RAFFI

BUKIT JELUTONG - Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM2.5 juta yang diserahkan kepada DYMM Sultan Selangor, Sultan Shahruddin Idris Shah.

Pegawai Eksekutifnya, Raja Shahreen Raja Othman menyerahkan zakat itu di Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, pada 6 Julai lalu.

Pada majlis sama, zakat perniagaan turut diserahkan Sime Darby Property Berhad yang diwakili Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Mohd Bakke Salleh

berjumlah RM1 juta.

Sementara itu, Jakel Shah Alam diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohamed Faroz Mohamed Jakel menyerahkan RM420,000.

Turut diraikan adalah kumpulan asnaf iaitu 53 fakir, 241 miskin dan 150 mualaf dengan masing-masing menerima sumbangan RM500.

Sementara 150 anak yatim setiap seorang menerima RM100.

Hadir sama pada majlis itu, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Husin Mohd Ali.



Tiada catuan air, pelbagai usaha tingkat sumber bekalan

BANGI - Catuan bukan pilihan bagi menyelesaikan isu gangguan air di beberapa kawasan dan Kerajaan Selangor giat menjalankan usaha meningkatkan bekalan di negeri itu.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Mohd Zaidy Abdul Talib, berkata antara langkah diambil termasuk memperoleh bekalan air dari Projek Mitigasi 2 yang dijangka siap September ini.

Katanya, usaha juga digiatkan untuk mendapatkan bekalan dari Loji Rawatan Air Ngoro-Ngoro, Negeri Sembilan.

"Kini dalam peringkat perbincangan dengan Kementerian

Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA)," katanya selepas melawat Terminal Takungan Bangi, di sini, pada 6 Julai lalu.

Zaidy berkata, Syarikat Air Negeri Sembilan bakal membina paip sepanjang tujuh kilometer dan memasukkan air ke Selangor yang membekalkan 60 JLH (juta liter sehari) atau kepada 60,000 pengguna di Beranang.

"Kerja pembentihan awan dijalankan setiap hari dan Projek Hybrid offRiver Augmentation System (HORAS) turut membantu usaha mengekalkan bekalan," katanya.

Ketika menyentuh berkenaan Terminal Takungan Bangi yang

siap pada 2013, Mohd Zaidy berkata, ketika ini sistem pam bernilai RM140 juta di terminal itu masih belum dapat digunakan ekoran kekurangan air terawat untuk dipam ke kawasan Beranang.

Katanya, dianggarkan hampir 60 JLH air diperlukan bagi membolehkan satu daripada dua pam sedia ada beroperasi mengepam air ke kawasan Beranang.

"Ketika ini, hanya 45 JLH disalurkan ke Beranang secara terus dengan menggunakan sistem graviti yang menyebabkan air tidak sampai ke kawasan sasarannya," katanya.



1,600 asnaf disantuni

GOMBAK - Kira-kira 1,600 keluarga asnaf di Parlimen Gombak dan DUN Bukit Antarabangsa menerima bantuan zakat serta barang keperluan atas sempena sambutan Aidilfitri.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata sumbangan itu adalah tradisi yang dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu bagi meringankan beban keluarga berpendapatan rendah.

"Dalam keadaan ekonomi hari ini ditambah dengan kos sara hidup yang tinggi, maka sudah tentu mereka memerlukan bantuan Kerajaan Negeri.

"Sebahagian sumbangan ini dari Kerajaan Negeri dan selebihnya zakat yang dibayar Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) untuk tahun ini," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri di Pangaspuri Berembang Indah, pada 5 Julai lalu.

Program dengan kerjasama MBI selama dua hari itu memilih 12 masjid antaranya Masjid Amaniah Batu Caves, Masjid Zakaria Gombak Utara dan Masjid Jami'il Huda Kampung Melayu Ampang.

RM4.8 juta naik taraf sungai

KAJANG - Sebanyak RM4.8 juta diperuntukkan bagi kerja menaik taraf Sungai Jeluh berhampiran Pasar Bandar Kajang untuk projek tebatan banjir dan dijangka siap, 30 Mac 2016.

Exco Infrastruktur, Mohd Zaidy Abdul Talib, berkata Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sudah menyerahkan notis pengosongan kepada 33 pemilik gerai di tanah rezab sungai projek itu.

"Kontraktor tidak dapat melaksanakan kemajuan kerja mengikut jadual disebabkan pemilik gerai belum berpindah seperti diarahkan walau-pun mereka diberikan tapak di pasar."

"Sebelum ini, tiga notis pengosongan diserahkan MPKj,

iaitu yang pertama berakhir 31 Mei lalu, manakala notis kedua berakhir 16 Jun lalu dan notis ketiga bakal berakhir 22 Julai ini.

"Diharap peniaga mengutamakan kepentingan awam," katanya selepas Lawatan Tapak Projek Sungai Jeluh, di sini, pada 6 Julai lalu.

Mohd Zaidy berkata, Kerajaan Negeri sedia mempertimbangkan sebarang cadangan wakil peniaga terbabit berhubung tapak baru.

"Isu pampasan tidak timbul sebab tanah ini memang rizab sungai. Tempoh pajakan juga sudah tamat tetapi MPKj boleh mendengar cadangan berhubung tapak baru itu," katanya.

Tujuh bas di tiga PBT

SHAH ALAM - Perkhidmatan Bas Selangorku menyediakan tujuh bas pada peringkat permulaan membabitkan tiga pihak berkuasa tempatan (PBT), bermula 1 Julai lalu.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) masing-masing menyediakan empat bas, manakala Majlis Perbandaran Klang (MPK) pula tiga bas.

Perkhidmatan Bas Selangorku di MBSA melibatkan laluan sejauh 10.5 kilometer (km) dan melalui 22 perhentian.

Sementara itu, MPSJ pula sejauh 14.5 km dengan 19 perhentian dan MPK membabitkan laluan 8.5 km dengan 11 perhentian.

Perkhidmatan berkenaan dikendalikan Rapid Sdn Bhd dan setiap bas mampu memuatkan sehingga 60 orang pada satu masa.

Beri perhatian kawasan kritikal

SHAH ALAM - Kajian menyeluruh perlu dilakukan Kerajaan Selangor dalam melaksanakan perkhidmatan pengangkutan awam di negeri itu.

Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi, berkata langkah itu penting bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan memberi manfaat jangka panjang kepada semua.

"Mungkin kawasan lebih kritis perlu diberikan perhatian termasuk lokasi yang langsung tiada perkhidmatan bas seperti luar bandar."

"Saya fikir bukan hanya bas sahaja tetapi banyak pengangkutan awam lain boleh dimanfaatkan. Kerajaan Selangor kena lakukan kajian lebih intensif untuk memperluaskan sistem itu," katanya kepada Selangor Kini.



Bas Selangorku hadiah untuk rakyat

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Rakyat Selangor dihadiahkan perkhidmatan bas percuma, Bas Selangorku di saat Kerajaan Persekutuan menambah beban mereka apabila sekali lagi menaikkan harga petrol, berkuatkuasa 1 Julai lalu.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Pengangkutan Selangor, Datuk Teng Chang Khim, berkata RM3.6 juta diprurunkan bagi perkhidmatan berkenaan yang beroperasi di kawasan seliaan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

"Secara kebetulan, hari ini minyak naik lagi. Kita pula lancarkan bas percuma yang terbuka kepada semua rakyat tanpa mengira status, usia, dan bangsa."

"Sekurang-kurangnya, rakyat ada pilihan untuk hadapi tekanan akibat kenaikan harga minyak," katanya selepas merasmikan Bas Selangorku di perkarangan Stesen Komuter Shah Alam, di sini.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman; Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad; Yang Dipertua MPK, Datuk Mohammad Yacob dan Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham



Ahmad Dahlan.

Chang Khim berkata, perkhidmatan itu akan diperluas di kawasan pihak berkuasa tempatan lain untuk mengurangkan tekanan kesesakan trafik.

"Terutama di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPK)."

"Kita juga melihat keperluan untuk meluaskan perkhidmatan di kawasan luar bandar ber�antung kepada permintaan," katanya.

Mesra OKU, sedia Wifi percuma

SHAH ALAM - Bas Selangorku menyediakan kemudahan mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) dan jalur lebar (wifi) percuma dalam usaha menyalurkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Pengangkutan Selangor, Datuk Teng Chang Khim, berkata perkhidmatan bas itu juga akan singgah di semua stesen komuter, sekolah serta pejabat kerajaan.

Katanya, laluan bas itu berlainan dengan bas komersial lain yang menjadikannya lebih praktikal dan efisien untuk pengguna.

"Perkhidmatan ini diharap dapat memudah dan meringankan beban rakyat dengan kekerapan bas setiap 15 minit," katanya.

Bas Selangorku membabitkan tiga pihak berkuasa tempatan iaitu di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Kajang (MPK) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).



PETA LALUAN BAS KLANG



Lancarkan perjalanan, sampai tepat masa

SHAH ALAM - Pelaksanaan Bas Selangorku yang ditawarkan secara percuma nyata memberi manfaat tidak ternilai khususnya kepada golongan kurang berkecukupan.

Pelajar tahun dua di Universiti Selangor (UNISEL), M Vikneswary, 23, berkata, Bas Selangorku banyak membantu kelancaran perjalannya ke kampus dari tempat tinggal.

"Bas sampai tepat pada masa yang ditetapkan iaitu setiap 15 minit. Tiada apa yang kami perlu risaukan."

"Bukan sahaja jimat duit, kami juga dapat menjimatkan masa terutama kehidupan sebagai pelajar yang sibuk dengan jadual kelas," kata pelajar jurusan akaun itu kepada Selangor Kini.

Sementara itu, seorang lagi pelajar UNISEL, Siti Nurul Ashiqin, 18, berpandangan promosi perlu diperluaskan pihak berkuasa tempatan bagi menarik lebih ramai penumpang.



Kemudahan disediakan Kerajaan Selangor patut dimanfaatkan orang ramai

mai penumpang.

"Ramai lagi yang tidak tahu jadi pihak berkenaan harus menghebahkan dengan lebih meluas supaya lebih ramai

beroleh manfaat dengan kewujudan bas percuma ini."

"Saya percaya sambutan pasti akan lebih hebat dengan adanya bas yang selesa ini," katanya.

Mempunyai pandangan sama, pelajar Universiti Teknologi Mara (UITM), Muhammad Ashri Azman, 18, pula memuji kemudahan yang disediakan Bas Selangorku.

"Ini bas untuk semua, sama ada pelajar atau mereka yang bekerja. Ia juga sesuai untuk mereka yang normal atau kelainan upaya."

"Diharap semua perkhidmatan awam dapat menyediakan kemudahan seperti ini untuk rakyat," katanya.

Bas sampai tepat pada masa yang ditetapkan iaitu setiap 15 minit. Tiada apa yang kami perlu risaukan

M VIKNESWARY
Pelajar UNISEL



Atasi kesesakan trafik di bandar

SUBANG JAYA - Perkhidmatan Bas Selangorku mengambil kira kepentingan warga tempatan selain memudahkan dan meringankan beban rakyat di negeri itu.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Pengangkutan Selangor, Datuk Teng Chang Khim, berkata laluan perkhidmatan itu lebih praktikal berbanding bas komersial kerana menghubungkan perkhidmatan awam lain dan melalui sekolah serta pejabat kerajaan.

"Hasrat ini hanya tercapai dengan penglibatan sepenuh-

nya masyarakat, sekali gus mengatasi masalah kesesakan jalan dalam kawasan bandar," katanya.

Ditanya pemberita berhubung kemungkinan perkhidmatan itu dikuasai warga asing, Chang Kim berkata, situasi tersebut tidak timbul jika masyarakat tempatan meraih peluang sepenuhnya dengan memanfaatkan kemudahan itu.

"Kenapa perlu halang warga asing naik jika kita sendiri enggan memanfaatkan kemudahan yang disediakan ini."

"Tindakan menghalang warga asing adalah diskriminasi. Ka-

lau melancong ke negara maju, kita masih dibenarkan naik bas percuma dan ini yang dikatakan nilai kesaksamaan."

"Jangan kita lupa, warga asing memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Tidak adil halang mereka bersama menikmati perkhidmatan ini," katanya.

Perkhidmatan yang beroperasi bermula jam 6 pagi hingga 10 malam itu mampu memuatkan sehingga 60 penumpang, selain mesra OKU dan dilengkapi kemudahan wifi.

PETA LALUAN BAS SHAH ALAM



CIRI-CIRI BAS

Berkapasiti sehingga **69 penumpang**

Mesra OKU dan bebas halang



Tempat duduk keutamaan (Warga Emas/Wanita Mengandung)

Sistem maklumat kepada penumpang

Mesra penumpang

Perkhidmatan wifi

CCTV

GPS

Sistem perekodan audio

SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizah Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan : afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkatty@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian : syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Ariffin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newssselangorkini@gmail.com

Operasi di lima PBT menjelang 2016

SUBANG JAYA - Sekurang-kurangnya lima pihak berkuasa tempatan (PBT) bakal dilengkapi perkhidmatan Bas Selangorku menjelang 2016.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Pengangkutan Selangor, Datuk Teng Chang Khim, berkata pihaknya juga komited memperluaskan jaringan perkhidmatan berkenaan kepada tiga laluan di setiap PBT terlibat.

"Sebagai permulaan, kita mula di tiga PBT membabitkan satu laluan memandangkan peruntukan tahunan yang tidak mengizinkan.

"Kita sedang berusaha keras di pertengahan tahun ini untuk menjana kewangan bagi melebarkan perkhidmatan sama di tiga laluan.

"Menjelang 2016, perkhidmatan ini akan diperluaskan di dua lagi PBT iaitu Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Majlis Perbadaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Saya menerima maklum balas positif masyarakat membabitkan kiriman SMS, What-Apps dan Facebook yang berharap perkhidmatan ini

“


Menjelang 2016, perkhidmatan ini akan diperluaskan di dua lagi PBT iaitu Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Majlis Perbadaran Ampang Jaya (MPAJ)

TENG CHANG KHIM
Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Pengangkutan Selangor

diperluas ke seluruh PBT.

"Hasrat itu tidak mustahil dapat kita laksanakan jika kewangan negeri mengizinkan," katanya selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Bas Selangorku peringkat MPSJ di Stesen Bas Rapid Transit (BRT) USJ 7, di sini.

Hadir sama, Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh dan Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan.



Tingkat kemahiran usahawan

14 kursus pembangunan pendek ditawar

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Orang ramai berpeluang menyertai 14 kursus jangka pendek anjuran Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi Selangor.

Peluang menyertai program pembangunan usahawan desa itu terbuka kepada rakyat Selangor dan mereka yang bermastautin lebih daripada 10 tahun di negeri itu.

Pemohon juga disyaratkan berusia 17 tahun ke atas dan berminat serta bersedia menamatkan kursus mengikut modul ditetapkan.

Terdapat lima program diaturkan iaitu motosikal dan dandanan rambut (8 & 9 Ogos), penyejukbekuan dan penyamanan udara serta jahitan (3 & 4 Oktober) juga kecantikan (10 & 11 Oktober) yang diadakan di Kolej Antarabangsa Inpens, Kuala

Selangor.

Sementara itu, sembilan program lagi dijadual berlangsung di Institut Teknologi Kulinari Anjung Utara, Kuala Kubu Baru dan pengangkutan turut disediakan.

Program berkenaan adalah sajian nasi dan set lauk arab (17 Ogos), roti canai dan murtabak (18 Ogos), nasi ayam hainan (19 Ogos), ayam penyet dan pecal lele (20 Ogos) serta aneka mee dan soto (22 Ogos).

Selain itu, terdapat juga sajian cendol dan aneka rojak (23 Ogos), nasi lemak dan 15 lauk (24 Ogos), makanan jajaan (25 Ogos) serta makanan dingin beku (26 Ogos).

Sebuia program dijadual bermula jam 10 pagi hingga 5 petang dan sarapan turut disediakan kepada peserta.

Untuk maklumat lanjut, mereka yang berminat boleh menghubungi pejabat daerah masing-masing.

TEMPAT		MASA	HUBUNGI PEJABAT DAERAH UNTUK MAKLUMAT LANJUT
KOLEJ ANTARABANGSA INPENS	JALAN SEMARAK, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	10.00 PAGI - 5.00 PETANG *SARAPAN DISEDIAKAN	
Tarikh Kursus		Modul	
8 & 9 Ogos 2015 (Sabtu & Ahad)		1. Program Motorsikal	
3 & 4 Oktober 2015 (Sabtu & Ahad)		2. Program Dandanan Rambut	
10 & 11 Oktober 2015 (Sabtu & Ahad)		3. Program Penyejukbekuan & Penyamanan Udara	
		4. Program Jahitan	
		5. Program Kecantikan	
TEMPAT		MASA	HUBUNGI PEJABAT DAERAH UNTUK MAKLUMAT LANJUT
INSTITUT TEKNOLOGI KULINARI ANJUNG UTARA KAMPUNG GESIR TENGAH, KUALA KUBU BHARU SELANGOR DARUL EHSAN.		10.00 PAGI - 5.00 PETANG *SARAPAN DISEDIAKAN	
Daerah	Tarikh Kursus	Modul	
Gombak	17 Ogos 2015 (Isnin)	Nasi Arab dan Set Lauk Arab	
Kuala Langat	18 Ogos 2015 (Selasa)	Roti Canai dan Murtabak	
Klang	19 Ogos 2015 (Rabu)	Nasi Ayam Hainan	
Hulu Selangor	20 Ogos 2015 (Khamis)	Ayam Penyet dan Pecel Lele	
Kuala Selangor	22 Ogos 2015 (Sabtu)	Aneka Mee dan Soto	
Petaling	23 Ogos 2015 (Ahad)	Cendol dan Aneka Rojak	
Sepang	24 Ogos 2015 (Isnin)	Nasi Lemak Bungkus dan 15 Lauk Pauk	
Hulu Langat	25 Ogos 2015 (Selasa)	Makanan Jajaan	
Sabak Bernam	26 Ogos 2015 (Rabu)	Frozen Food dan Makanan Dingin Beku	

*MAKANAN DAN PENGANGKUTAN DISEDIAKAN

Pelabur jangan keliru status tanah PJ

PETALING JAYA - Pelabur atau penyewa yang berminat memiliki harta tanah di Petaling Jaya perlu berhati-hati dan tidak keliru dengan status tanah terbabit.

Adun Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran, berkata kebanyakannya iklan harta tanah yang disiarkan di laman web tidak dinyatakan dengan jelas sama ada komersial, perumahan atau komersial terhad.

Katanya, terdapat pelabur yang tertipu hingga terpaksa menanggung kerugian hampir jutaan ringgit.

"Terdapat banyak iklan harta tanah komersial disiarkan tetapi statusnya tidak tepat. Contohnya, harta komersial untuk dijual di Jalan Templer.

"Kawasan itu bukan zon komersial sebaliknya untuk kediaman dalam Rancangan Tempatan Petaling Jaya (RTPJ).

"Kebanyakan ejen harta tanah tidak bersikap profesional dan gagal memberi maklumat tepat kepada pembeli atau pelabur," katanya pada sidang media, di sini, 2 Julai lalu.

Rajiv berkata, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sudah mengehadkan zon komersial sejak 2007 dan hanya membenarkan sedikit perdagangan terhad di beberapa kawasan.



Katanya, ia merujuk kepada Jalan Gasing, Jalan Universiti, Jalan Kemajuan, Jalan Datuk Abu Bakar, Jalan Utara, Jalan Othman, Jalan Penchala, Jalan Selangor dan Jalan Timur.

"Hanya kawasan ini yang dibenarkan menukar harta tanah perumahan kepada komersial terhad untuk dijadikan balai seni lukis, dewan pameran dan rumah orang tua.

"Sebab itu, kita minta pembeli

atau pelabur supaya berhati-hati ketika membeli harta tanah ini kerana bimbang statusnya tidak boleh ditukar atau akan dikenakan premium tinggi. Mereka boleh semak RTPJ di ibu pejabat MBPJ," katanya.

Sehubungan itu, beliau akan menulis surat kepada Lembaga Penilai, Penaksir dan Ejen Hartanah (LPPEH) bagi memantau tindakan ejen yang memberi maklumat palsu terhadap jualan harta tanah.



HIJRAH: Paya Jaras catat jumlah tertinggi

SUNGAI BULOH - Lebih 600 peniaga kawasan DUN Paya Jaras menjadi memohon dan menerima skim HIJRAH, kata Adunnya, Mohd Khairuddin Othman.

Beliau berkata, jumlah itu tertinggi di Selangor ekoran pegawai Pejabat DUN Paya Jaras menerima sambutan positif terhadap skim terbabit.

"Setiap hari, kita dapat respon cukup banyak di Facebook, WhatsApp dan aplikasi lain. Mereka bertanya pelbagai soalan terutama syarat menyertai skim ini."

"Diharap mereka boleh berdikari selepas ini. Bantuan ini hanya satu batu loncatan untuk mereka ke tahap lebih baik," ka-

tanya ketika merasmikan Majlis Penyerahan Cek HIJRAH kepada 73 peniaga, di sini, pada 6 Julai lalu.

Katanya, Pejabat Adun Paya Jaras turut mewujudkan mekanisme khas bagi memastikan pemohon dapat latihan lengkap dari Pusat Wanita Berdaya (PWB) sebelum memohon pinjaman terbabit.

Khairuddin berkata, PWB menyediakan latihan kemahiran seperti memasak dan menjahit yang sesuai dengan bidang perniagaan yang diceburi peniaga.

"Selepas itu, peserta dibimbing menuju syarikat enterprise dan mengurus perniagaan mereka dengan lebih cekap," katanya.



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha menyampaikan juadah berbuka puasa kepada pegawai MBPJ dari Unit Vektor, Pasukan PANTAS dan Unit Pembersihan Sisa Pepejal



▲ Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari bersama antara 700 peserta Program Jom Shopping Hari Raya Aidilfitri peringkat dun Kota Anggerik di Pasaraya Giant Seksyen 13 Shah Alam



▲ Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong bersama Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendent Supramaniam mengedarkan bubur lambuk dan risalah keselamatan di pekan Kuala Kubu Bharu sempena bulan Ramadan



▲ Adun Taman Templer, Zaidy Abd Talib menyantuni antara peserta Program Jom Shopping Hari Raya dengan sebanyak 600 buacer diberikan kepada golongan kurang berkemampuan, warga emas, ibu tunggal dan tanggungan ramai



▲ Adun Teratai, Tiew Way Keng melawat warga emas serta memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan



▲ Adun Sungai Burong, Shamsudin Lias bersama-sama masyarakat Moreh selepas solat terawih di surau Lorong 14, Kampung Ampangan



▲ Adun Morib, Hasnul Baharuddin menziarahi warga emas di Kampung Kelanang serta menyampaikan sumbangan



▲ Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh Saya melawat Bazaar Ramadan di USJ 7 untuk mengedarkan buah kurma kepada peniaga dan pengunjung.



▲ Adun Hulu Klang, Saari Sungib menyampaikan sumbangan Apron kepada peniaga di Medan Selera Taman Keramat AU2C



▲ Adun Dusun Tuan, Razaly Hassan mengedarkan bubur lambuk kepada para jemaah Masjid Hisamuddin Alam Shah

'Tok Amil Siber' selit mesej padat, sinis, bersahaja

BERKATNYA SEBIJI KURMA

Halus mulus
Sari buahmu kurma
Dari ladang palma
Datang menjelma.

Sebiji kurma
Dari lebat tangkai meranum
Beri hebat takwa merimbun
Ramadan datanglah kurma
Membawa lebat berkat.

Panas pijar
Di padang pasir
Merimbun hijau tumbuh
Kurma selama
Lazat nikmat.

Saat berbuka
Kurma juga tamar
Penawar dahaga
Penghilang lapar
Manisnya kurma
Di mulut mereka
Yang taat berpuasa.

Kurma tumbuhan
Di padang palma
Buahnya manis
Membawa berkat
Rasanya hebat
Ramai terpikat.

Jernihlah jiwa
Sejernih kurma
Sari rasa dari syurga
Pada kuasa-Mu tercipta
Untuk hamba-Nya.

Sedekahlah walau
Hanya sebiji kurma
Kepada yang berpuasa
Pahalanya puasa; sama
Diberikan pada kita
Berkat nikmat
Tidak dikurangi
Sedikit apa pun juga.

AMI MASRA
An-Nur USJ 4, Subang Jaya

OLEH AFEEQA AFEERA

SEBUT pasal dakwah, ramai yang terbayang ceramah berjam-jam tentang agama, bahkan masyarakat khususnya generasi-Y kurang gemar dileteri atau ditegur cara demikian.

Namun, bagi Mohd Sabri Mat Nor dakwah bukan hanya bersandar kepada ceramah atau penghasilan kitab agama tetapi boleh diaplikasi mengikut cara masing-masing sesuai dengan peredaran semasa.

Berbekalkan bakat yang dikurniakan Allah SWT, Eksekutif Kanan Majikan di Lembaga Zakat Selangor (LZS) itu menggunakan anugerah melukis yang ada dalam dirinya ke arah kebaikan dengan mempertaruhkan lukisan kartun untuk berdakwah.

Mengetengahkan 'Tok Amil Siber' sebagai watak utama, karakter itu digubah untuk mengingatkan orang ramai tentang kewajipan menunaikan zakat yang dituntut agama.

Beliau berkata, lukisan itu turut diselitkan dengan watak haiwan iaitu kucing dan tikus untuk memberi teguran 'halus' kepada manusia supaya tidak alpa terhadap kewajipan dalam Islam.

Mohd Sabri yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap lukisan, dialog dan grafik kartun itu kini mempunyai ratusan kompilasi sepanjang 20 tahun berkhidmat di LZS.

Beliau yakin kartun mampu menyampaikan idea secara santai dan lucu dengan diselitkan sindiran halus untuk hiburan serta pegangan yang mampu diterima masyarakat secara umum.

"Jiwa seni yang ada dalam diri mendorong saya mencuba pendekatan ini bagi



mengajak masyarakat mengenal ilmu agama secara santai.

"Dari minat menghasilkan karya biasa, terdetik di hati apa salahnya kalau kartun digunakan untuk berdakwah."

"Selain berkongsi ilmu, ia juga boleh dijadikan amalan untuk dibawa ke akhirat," katanya.

Lukisan karikatur dakwah di LZS bermula sejak 1995 berlandaskan kehidupan masyarakat, bahkan 90 peratus karikatur yang dihasilkan Mohd Sabri berdasarkan kisah benar karenah manusia termasuk persepsi negatif mereka terhadap agensi itu.

"Saya lihat masalah mereka dan zahirkan dalam lukisan. Contohnya, persepsi tidak tepat terhadap LZS yang kita sangkal melalui karya itu."

"Ia dihasilkan secara berseloroh dan saya rasa gembira dapat sampaikan mesej untuk maklumat masyarakat selain membantu meredakan keadaan," katanya.

Selain disiarkan di media sosial seperti Facebook dan blog, karyanya turut dipaparkan dalam Majalah Asnaf, bahkan pernah dipamerkan di Muzium Kesenian Is-

“

Jiwa seni yang ada dalam diri mendorong saya mencuba pendekatan ini bagi mengajak masyarakat mengenal ilmu agama secara santai

MOHD SABRI

Eksekutif Kanan Majikan LZS

Iam Kuala Lumpur.

"Kompilasi karikatur ini akan dibukukan dalam tempoh terdekat untuk dijadikan cenderahati kepada pembayar zakat."

"Saya harap karikatur ini dapat dianimasikan supaya masyarakat akan terus tertarik untuk mendalami ilmu secara santai dan mudah difahami serta meninggalkan kesan dalam kehidupan mereka," katanya.



OLEH FIRDAUS ASRAF

'Forum Ekonomi dan Pendapatan Negara'
'Pukul 9 malam ini.
Datang ke Dataran Ilmu
beramai-ramai!'

Seorang anak muda membaca dengan teliti setiap patah perkataan yang tertera di poster itu. Terpapar wajah tiga individu; duanya Ahli Parlimen manakala seorang lagi pelajar di universitinya yang bakal bertindak selaku moderator forum itu nanti. Ahli-ahli Parlimen itu pula berlainan parti. Lawan. Berlainan haluan.

"Menarik. Jarang pihak universiti anjurkan majlis begini. Aku mesti pergi," katanya sendirian. Dia sudah jemu menghabiskan malam-malamnya dengan menonton drama Korea akibat tandusnya penganjuran acara berfaedah di kampusnya.

Tepat pada sembilan malam, figura anak muda itu sudah terpacak di Dataran Ilmu. Namun penganjur mengumumkan para panel hanya akan sampai dalam masa setengah jam lagi. Dasar pemimpin, memang tidak tahu hargai masa orang lain, bentak hati anak muda itu.

Akhirnya, para panel tiba-tiba diiringi tepukan gemuruh para hadirin. Anak muda itu mengambil tempat di suatu sudut sambil bersandar di tiang lampu. Cukup selesa baginya. Tidak perlu duduk bersesak-sejak di tengah-tengah dataran itu. Rimas.

Majlis itu seperti majlis yang lain, dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan mukadimah oleh Presiden Majlis Pelajar. Tapi ucapannya ibarat masuk ke telinga kanan, keluar dari telinga kiri anak muda itu. Tidak diam-bil pedulinya. Dia lebih senang membelek telefon pintar di tangan. "Kaki ampu," bisiknya.

Usai ucapan Presiden, si moderator mula mengambil alih. Perhatian para hadirin termasuklah anak muda itu kembali dicuri. Moderator tanpa membuang masa menyerahkan majlis kepada panel yang pertama, Ahli Parlimen A daripada parti pemerintah.

Ahli Parlimen A tinggi dan kacak orangnya. Berusia 40-an. Bagaikan pemidato agung, beliau petah membentangkan hujah-hujahnya. Bagaimana parti pemerintah berjaya memungut hasil cukai sebanyak RM42 bilion yang kemudiannya disalurkan semula kepada rakyat melalui pembinaan infrastruktur dan dana pendidikan, sesuai de-



"Menarik. Jarang pihak universiti anjurkan majlis begini. Aku mesti pergi," katanya sendirian. Dia sudah jemu menghabiskan malam-malamnya dengan menonton drama Korea akibat tandusnya penganjuran acara berfaedah di kampusnya

ngan topik forum; Ekonomi dan Pendapatan Negara.

"Seriuslah pulang kepada rakyat? Di kampung aku, sekolah pun tak ada dinding bah, rungut seorang remaja dengan loghat pekat Sabah. Tersenyum simpul anak muda mendengarnya.

Setelah lima belas minit mendengar puji-pujiannya terhadap dasar kerajaan, Yang Berhormat A menutup ucapannya. Kedengaran hadirin menepuk tangan, namun tidak semeriah ketika pembukaan tadi.

Jejaka moderator mula membebek mengenai ekonomi negara yang disifatkannya mencapai tingkat positif dalam lima tahun kebelakangan ini. Setelah digesa oleh hadirin, ba-

rulah beliau menyerahkan majlis kepada Ahli Parlimen yang kedua.

Ahli Parlimen yang ini merupakan wakil parti pembangkang. Berkulit gelap dan tidak setinggi Ahli Parlimen yang pertama. Namun begitu, karisma dan aura yang ada pada beliau dapat dirasai. Beliau mula menghuraikan hujah-hujah yang dapat menyangkal dakwaan panel pertama.

Anak muda itu asyik mendengar pidato Yang Berhormat B. Keterangan faktanya amat jelas dan mampu memuaskan hati sesiapa yang mendengarnya. Dia menjeling jam di tangan. Baru lima minit berlalu. Terima kasih, masa. Sungguh perlahan kau berjalan malam ini!

Tiba-tiba pentas di dataran itu didatangi dengan tiga orang lelaki berpakaian hitam yang entah dari mana datangnya. Situasi mula menjadi gegak-gempita dengan sorakan hadirin yang menantikan apa kesudahan drama ini.

"Aku bet kejap lagi ada gaduh," kata seorang remaja perempuan berdekatan.

Salah seorang lelaki yang berperut boroi merapati Yang Berhormat B yang patutnya masih dalam giliran pidatonya. Dia berbisik sesuatu kepada beliau dan Ahli Parlimen itu menggeleng-gelengkan kepalaanya, seperti enggan mengikuti apa yang dikatakan.

Anak muda itu asyik mendengar pidato Yang Berhormat B. Keterangan faktanya amat jelas dan mampu memuaskan hati sesiapa yang mendengarnya. Dia menjeling jam di tangan. Baru lima minit berlalu. Terima kasih, masa. Sungguh perlahan kau berjalan malam ini!

Mungkin berang arahannya tidak dituruti, lelaki itu bertindak merampas mikrofon daripada tangan Yang Berhormat B. Hadirin bersorak keriangan. Riu macam di stadium bola sepak.

"Kami terpaksa suraikan event ni, sebab Yang Berhormat B tak dapat kelulusan untuk masuk universiti. Awak semua boleh balik sekarang," kata lelaki gemuk itu melalui mikrofon yang dirampas. Keluhan membantah daripada para hadirin menyahut kata-kata itu.

Anak muda itu mengorak langkah pulang ke asramanya. Para pelajar di sekitar dataran itu masih tidak berganjak. Mereka tidak berpuas hati de-

Di dalam kawasan kampus, tempat yang sepatutnya penuh tamadun dan adab kehidupan, telah wujud kebiadaban yakni tindakan lelaki itu yang merampas mikrofon daripada Yang Berhormat B setelah merempuh dan mengganggu pidato beliau tanpa sepatah perkataan maaf keluar daripada mulutnya. Di hadapan ratusan anak muda, yang bakal menjadi pewaris negara. Teladan yang sungguh cemerlang!

ngan tindakan pengurusan universiti yang menyekat majlis ilmu itu tanpa alasan yang munasabah.

Dalam perjalanan pulang, terlintas sesuatu di kotak fikiran anak muda itu. Di dalam kawasan kampus, tempat yang sepatutnya penuh tamadun dan adab kehidupan, telah wujud kebiadaban yakni tindakan lelaki itu yang merampas mikrofon daripada Yang Berhormat B setelah merempuh dan mengganggu pidato beliau tanpa sepatah perkataan maaf keluar daripada mulutnya. Di hadapan ratusan anak muda, yang bakal menjadi pewaris negara. Teladan yang sungguh cemerlang!

Itu belum lagi tindakan mereka yang seakan-akan menafikan hak para pelajar untuk mendengar pidato Yang Berhormat B. Bukankah sepatutnya mereka hentikan dari awal lagi sekiranya tidak dapat kelulusan? Kenapa kena hentikan ketika giliran beliau? Adakah kerana beliau mewakili parti pembangkang?

Aku keliru, soal hatinya. Adakah universiti tempat melahirkan modal insan negara atau hanyalah kilang menghasilkan boneka, yang kemudiannya hidup hanya di bawah kawalan tali pengawalnya? Dan lebih menakutkan, aku bakal menjadi salah satu boneka tersebut?

Ah, tonton drama Korea lagi bagus kalau begini gayanya!





Utara - Selatan - Pantai Timur

Jelajah bukti peduli rakyat

OLEH HAFIZAN TAIB & NORHAYATI UMOR

Kehadiran sebuah kontena, dua lori dan tujuh kenderaan membawa kendaraan disambut masyarakat sekitar Utara tanah air dengan penuh kesyukuran.

Nyata rasa rasa syukur tidak dapat dibendung Zaleha Tahir, 61, sehingga air matanya bergenang me-

mikirkan beban menyediakan kelengkapan Aidilfitri berkurang dengan keprihatinan Kerajaan Selangor melalui Program Jelajah Ramadhan Peduli Rakyat itu.

Ibu tunggal kepada 11 anak yang menetap di Pasir Salak, Perak itu mengakui sumbangan dihulurkan pertama kali diperolehnya kerana sebelum ini tiada siapa menghadkan nasib keluarganya.

Walapun hanya beras, susu, gula,

kurma, minuman berpaket, biskut dan kuih raya, namun sangat bermakna bagi dirinya yang bekerja sebagai pembantu penjual ikan di pasar.

"Tidak pernah sesiapa memberi kami sekeluarga sumbangan. Segala jerih perit membesarkan 11 anak adalah dengan usaha sendiri.

"Saya juga tidak tahu bagaimana untuk mendapatkan bantuan. Tiada sesiapa pernah menemui kami untuk memberi sumbangan," katanya.

Kegembiraan jelas terpancar di wajah Zaleha yang kehilangan suami sejak puluhan tahun lalu selepas menerima bantuan terbabit.

"Saya sangat gembira dan terharu dengan keperihatinan Selangor terhadap golongan seperti kami."

Sukar kami gambarkan saat setiap penerima mendapat sumbangan itu walaupun mungkin barang-barang di dalam setiap kotak hamper sesuatu yang biasa bagi golongan berkemampuan.

Bukan sahaja di Pasir Salak, program anjuran Pejabat Dato' Menteri Besar turut menjelajah lokasi lain di Perak iaitu Ipoh, Bukit Gantang membabitkan penyerahan 625 kotak hamper kepada golongan memerlukan.

Perjalanan kami diteruskan ke Seberang Jaya, Pulau Pinang sebelum singgah ke Kedah menyerahkan kotak hamper di tiga lokasi negeri itu iaitu Kulim, Alor Setar dan Langkawi.

Misi rombongan jelajah utara yang bermula 2 Julai



hingga 4 Julai lalu tamat dengan pemberian 75 kotak hamper di Kangar, Perlis sebelum meneruskan jelajah Selatan dan Pantai Timur.

Lain pula ceritanya pada sesi penyerahan di Selatan tanah air pada 5 dan 6 Julai lalu apabila perjalanan sejauh 750 kilometer yang memerlukan bagi hilang dengan sambutan meriah masyarakat tempatan.

"Misi ini adalah dari rakyat untuk rakyat. Kita bersama dalam menempuh susah senang dan mendengar denyut nadi mereka," kata Ketua Delegasi, K Gunasekaran.

"Terima kasih. Syukur kerana ada pihak membantu kami," kata penerima, Ahmad Umar, 49.

Sementara itu, pimpinan tertinggi PKR di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor menyokong agenda kemasyarakatan dipraktik Selangor, bahkan berharap amalan sama dilaksanakan apabila Pakatan Rakyat (Pakatan) mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri masing-masing.

Pengerusi PKR Negeri Sembilan, Aminuddin Harun, berkata apa yang penting dalam mentad-

bir adalah melakukan kerja bukan sekadar cakap-cakap.

"Kepedulian rakyat ini patut menjadi amalan kepada pemimpin negeri. Selangor membuktikannya, bahkan berjaya dalam pentadbiran," kata Timbalan Pengerusi PKR Melaka, Gue Teck.

Perkara sama disuara Pengerusi PKR Johor, Hassan Abdul Karim yang melahirkan keyakinan rakyat lebih terbela apabila Kerajaan Negeri itu bertukar tangan kepada Pakatan.

"Kita prihatin terhadap kesusaahan rakyat tanpa mengira kaum dan perayaan. Ini adalah amalan kita yang bakal berterusan jika menawar Johor," katanya.

Lebih 10 sukarelawan terbaik dalam misi kemanusiaan ke Seremban dan Tampin, Negeri Sembilan sebelum ke Bukit Katil, Melaka dan seterusnya ke Ledang, Simpang Renggam serta Kulai, Johor.

Sebanyak 31 lokasi dipilih seluruh Semenanjung Malaysia bermula 2 Julai sehingga 10 Julai bagi merasai sendiri nikmat memberi kepada golongan memerlukan.

OLEH LIZAWATI MADFA

Lebih lima tahun tidak menaiki bas, perasaan semestinya berdebar-debar untuk menggunakan perkhidmatan awam itu. Entah apa rupa bas percuma, Bas Selangorku. Sedangkan yang berbayar pun tidak selesa. Yang percuma ini macam mana.

Demi tugas, aku dan sahabat, Remy menunggu di pintu masuk utama Bangunan SUK. Jam menunjukkan 11.40 pagi. Tidak sampai lima minit, kelihatan bas Rapid dengan tag elektronik, 'Bas Selangorku' WB 3284 N. Bas baru. Detik hatiku.

Kami masuk disambut senyuman pemandu bas yang kemudian aku dapat tahu namanya Roslan Ramli berusia 48 tahun.

Terdapat dua penumpang sedia ada dalam bas. Dari pakaian mereka, aku yakin mereka berdua pelajar. Kalau di Shah Alam sama ada Unisel atau UiTM.

Kemudian mata aku terus meliar memerhatikan perut bas. Memang betul bas baru. Bau kilang. Aku berjalan perlahan dari ruang hadapan ke belakang.

Tempat duduknya berwarna biru. Bahagian hadapan siap dengan 'seat belt'. Ruangan tengah saling menghadap dan lebih rendah daripada tempat duduk lain. Bahagian belakang tempatnya lebih tinggi.

Ada juga ruangan yang agak luas. Betul-betul berhadan pintu keluar di bahagian tengah bas. Oh untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) atau untuk mereka yang berkerusi roda. Bagaimana si OKU dan yang berkerusi roda mahu naik bas. Fikirku. Aku biarkan persoalan itu dahulu.

Aku ke hadapan semula, menghampiri pemandu bas yang sedari awal tidak lokek senyuman.

"Kalau masa begini, memang orang agak kurang, tapi kalau waktu puncak pagi dan petang memang ramai. Begitu juga Sabtu dan Ahad," kata Roslan yang nampaknya pernah, menyenangkan kerja kami.

Tidak dinafikan, perkhidmatan yang disediakan Kerajaan Selangor itu memang selesa, dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Ada pemadam api, peti pertolongan cemas, CCTV, ruangan luas, dan akan datang sistem perkhidmatan Wifi.

Di bahagian hadapan, terdapat skrin yang memaparkan laluan dan perhentian bas. Terdapat 22 perhentian. Antaranya, SUK, UiTM, Unisel, Jakel, Hospital Shah Alam, Pasar Seksyen 6, Dataran MBSA dan Hentian Komuter Seksyen 19.

Nampaknya penumpang agak ramai di kalangan pelajar, bukan sahaja pelajar universiti, ada juga pelajar sekolah menengah.

"Percuma dan selesa, siapa tidak

Seronoknya naik bas percuma Selangorku

mahu. Lagi-lagi dalam keadaan ekonomi kurang baik sekarang," kata pelajar jurusan Akaun Unisel, S. Kokilavani ketika diminta komen ringkas.

"Tetapi tidak ramai yang tahu, rasanya Kerajaan Selangor perlu perhebat lagi promosi. Jika tidak rugilah peruntukan berjuta-juta," sambungnya.

Setuju. Memang nampaknya orang kurang tahu. Orang mungkin nampak 'Bas Selangorku' terpampang depan bas, tetapi orang tidak tahu ke mana laluan bas ini sebenarnya. Apakah lalu dekat dengan tempat tinggal mereka.

Apapun, Roslan harus dipuji. Dia bertindak mempromosi bas. Setiap kali berhenti di perhentian, dia akan membuka pintu hadapan dan menyapa orang ramai untuk masuk. Malah menerangkan perhentian mana dilalui bas. Inisiatif terpuji.

Sepanjang perjalanan, kami hanya melihat satu banner sahaja di Hentian Komuter Seksyen 19. Itupun banner pelancaran pada 1 Julai lalu. Selain dari itu tidak ada pemberitahuan atau promosi lain di speanjang jalan. Benar. Promosi sangat diperlukan.

Kami berhenti lama di Seksyen 19. Sambil menunggu penumpang, kami berborak panjang dengan Roslan. Lebih 11 tahun bekerja di Rapid Sdn Bhd, Roslan menerangkan setiap kemudahan dalam bas berkenaan.

Katanya, segala pergerakan bas dipantau rapi oleh Rapid di ibu pejabat di Cheras Selatan melalui sistem GPS. Perhubungan atau sebarang panggilan juga dilakukan secara 'walkie talkie' yang diletak bersebelahan stereng, memudahkan pemandu.

"Kita ada CCTV (Kamera Litar



Kalau begini perkhidmatan bas yang ada, kami pun mahu menggunakan pengangkutan awam sahaja. Lagilah dalam keadaan nilai ringgit terendah dalam sejarah, minyak naik, GST, tol juga bakal naik. Memang jimat sangat kalau ada bas percuma



Tertutup). Jadi saya dapat lihat dari tempat duduk sahaja pergerakan para penumpang, sama ada mereka selesai turun bas atau sebagainya," katanya yang sentiasa bersemangat, walaupun berpuasa. Menunjukkan beliau cintakan kerjayanya.

Selepas 15 minit menunggu, tiada penumpang baru. Kekal kami berdua dan Roslan. Roslan mula menutup pintu masuk bas dan bergerak meneruskan 'trip' seterusnya. Sebanyak 16 trip dilakukan Roslan dan pemandu lain setiap hari, bermula jam 6 pagi hingga 9 malam.

Katanya terdapat lima buah bas, empat yang digunakan sementara satu sebagai simpanan jika berlaku masalah kepada bas lain. Ini bagi menjamin kelancaran perkhidmatan.

Sewaktu meluncur untuk ke SUK, tersempat bas Selangorku yang lain berlawanan arah. Lajunya. Tegur Remy yang sejak tadi asyik mengambil gambar.

"Bas Rapid hanya boleh pergi setakat 80 kilometer sejam, tidak boleh lebih. Tengok ni," tepis Roslan sambil menekan pedal minyak, namun memang benar hanya setakat itu sahaja.

"Kalau ada cakap laju itu sama sekali tidak benar," sambungnya. Remy tersengih cuma.

Sesampai di SUK, sebelum turun bas aku melihat kawasan pintu masuk bas sebelum turun. Memikirkan bagaimana seorang OKU atau berkerusi roda dapat masuk bas.

Roslan faham. Dia senyum dan melakukan sesuatu. Aku melihat bas itu tampak lebih rendah keduduan

kannya, memudahkan orang melelangkah masuk, tidak terlalu tinggi seperti aku masuk awal tadi.

"Kita boleh 'adjust' bagi tinggi rendah. Itulah dikatakan mesra OKU."

"Untuk yang berkerusi roda pulak di bahagian pintu tengah ini. Kita buka ini dan turunkan, jadi mereka boleh sorong naik, kita pun sedia bantu," katanya sambil melakukan demo.

Tepat jam 12.40 tengah hari. Tamatlah perjalanan kami untuk kembali ke SUK.

Kalau begini perkhidmatan bas yang ada, kami pun mahu menggunakan pengangkutan awam sahaja. Lagilah dalam keadaan nilai ringgit terendah dalam sejarah, minyak naik, GST, tol juga bakal naik. Memang jimat sangat kalau ada bas percuma.

Malangnya kami tiada peluang itu. Tempat tinggal kami begitu jauh dari laluan Bas Selangorku.

Benar kata Exco Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim pada hari pelancaran minggu lepas. Rugilah jika rakyat Selangor tidak manfaatkan perkhidmatan ini.

Tetapi nampaknya sekarang ramai lagi rakyat tidak tahu. Sesuatu harus dilakukan Datuk.

Dan untuk aku sendiri, pengalaman menaiki Bas Selangorku bukan seperti bas henti-henti yang lain. Rasanya lebih selesa daripada menaiki kenderaan sendiri. Aku takkan keberatan untuk naik hari-hari. Tak mungkin berdebar lagi.

Lizawati ialah wartawan Selangor-Kini

Projek Bandar Hijau MPSJ 2030 merupakan komitmen berterusan memulihara dan lestari alam sekitar selain mewujudkan perbandaran mapan dalam menjamin sumber berterusan. Pelbagai projek hijau dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat itu untuk memastikan alam terus segar dan dinikmati komunitinya.

Ikuti temu bual wartawan kanan Selangor Kini, **NAEEM RAFFI** bersama Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), **DATUK NOR HISHAM AHMAD DAHLAN**.

Boleh jelaskan apakah sebenarnya konsep Projek Bandar Hijau MPSJ 2030?

Bandar Hijau MPSJ 2030 secara rasminya dilancar pada 27 September 2014 oleh Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Ita merupakan inisiatif MPSJ memulihara alam sekitar dan mewujudkan perbandaran mapan bagi mencapai taraf Bandar hijau menjelang 2030 melalui tujuh sektoral melibatkan bangunan hijau, laluan semulajadi, udara bersih, sisa sifar, pengangkutan hijau, langkah ringan eko dan air bersih.

Sebagai permulaan, MPSJ mewujudkan Duta Hijau (MPSJ Green Ambassadors) dengan menyediakan latihan kepada 22 kakitangan kami. Mereka berperanan besar mempromosi dan mewujudkan kesedaran kepada penduduk untuk bersama menggembeling hala tuju ke arah Bandar Hijau.

Pada 22 September 2014, MPSJ juga mengadakan mesyuarat bersama pemaju hartanah untuk meraih kerjasama mereka selain membincangkan idea bagi dijadikan sebahagian daripada Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030.

Apakah Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030 yang berjaya digariskan bagi merealisasi hasrat MPSJ menjadi Bandar Hijau menjelang 2030?

Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030 antaranya merangkumi Lab Low



Subang Jaya menuju Bandaraya Hijau 2030



“ Ita merupakan inisiatif MPSJ memulihara alam sekitar dan mewujudkan perbandaran mapan bagi mencapai taraf Bandar hijau menjelang 2030 melalui tujuh sektoral melibatkan bangunan hijau, laluan semulajadi, udara bersih, sisa sifar, pengangkutan hijau, langkah ringan eko dan air bersih

DATUK NOR HISHAM
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

MPSJ juga bercadang menyediakan bas elektrik di laluan Puchong, Kinrara dan Seri Kembangan bagi kemudahan awam melalui Program Bas Selangorku menjelang 2016.

Pelaksanaan kemudahan Bas dan BRT pula, MPSJ menjadikan Stesen & BRT Laluan Sunway sebagai pangkalan bagi pelancaran Bas Selangorku MPSJ. Keistimewaan stesen ini, ia mampu integrasikan kemudahan Bas Selangorku dan jenis pengangkutan lain.

Kewujudannya memberi manfaat kepada 718,627 komuniti dan jumlah itu dianggarkan meningkat kepada kepada

Carbon City Framework (LCCF), Kenderaan Elektrik dan Kemudahan Bas dan BRT (Bas Rapid Transit).

Dalam membangunkan LCCF, MPSJ bekerjasama secara aktif dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA) dalam menganjurkan seminar dan lab melibatkan peranan pemaju perumahan, perunding dan kontraktor.

Pada masa ini, beberapa pemaju antaranya Sunway Integrated Properties Sdn. Bhd, MCT Consortium Berhad, Sime Darby Property, IOI Properties Berhad dan Tropicana Corporation Berhad

untuk mengamal dan mendokong usaha perbandaran hijau ini.

Bagi penyediaan kemudahan kendaraan elektrik pula, MPSJ sebagai ‘strategic partners’ bersama Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Kumpulan Amdac merancang menyediakan kemudahan stesen pengecas kendaraan elektrik di 25 lokasi strategik seperti di hotel dan pusat membeli-belah.





847,984 pada 2020. BRT juga memberi kemudahan kepada lebih 30,000 pelajar swasta di sini.

Apakah inisiatif lain yang berjaya dilaksanakan dalam mendokong usaha ke arah bandar hijau ini?

Setakat ini, MPSJ berjaya melaksana tujuh inisiatif antaranya Program Bandar Biomass, Program Kitar Semula dan Infrastruktur Hijau.

Program Bandar Biomass diwujudkan bagi mengurangkan penjanaan pelupusan sisa domestik dengan memanfaatkan sisa organik menggunakan kaedah biomass. Menerusnya, dua konsep diperkenalkan iaitu 'waste-to wealth' dan 'waste-to-energy'.

Pada 2014, kita berjaya memproses 50.44 tan sisa organik menerusi konsep 'waste-to wealth' ia merangkumi 34.65 tan sisa kebun, 7.22 tan daun kering, 8.57 tan sisa makanan. Ia ternyata mendatangkan manfaat apabila MPSJ berjaya menghasilkan pelbagai variasi produk kompos dan menjualnya pada harga berpatutan kepada penduduk sekitar.

Bagi konsep 'waste-to-energy' pula, MPSJ membangunkan projek Anaerobic Digestion Biogas di Pasar Awam Seri Serdang dan Pusat Biomass Bersepadu Bandar Bukit Puchong. Menerusi kaedah ini, sisa organik mampu diubah menjadi gas methane yang boleh digunakan untuk mengerakkan jentera dan seterusnya menghasilkan tenaga.

Program Kitar Semula pula, MPSJ

grafik 1

Program Minyak Masak Terpakai

Tahun	Jumlah(kg)
2009	2,600
2010	85,854
2011	17,327
2012	8,773
2013	6,296
2014	40,564

menyediakan menyediakan 20 pusat kitar semula selain bekerjasama dengan Jawatankuasa Penduduk (JKP) untuk mengendalikannya.

MPSJ juga melaksanakan Program Minyak Masak Terpakai di semua premis makanan dan isi rumah sejak 2009 bertujuan mengelakkan pencemaran sumber air.

Dalam usaha ini bekerjasama dengan swasta memproses minyak masak terpakai itu menjadi biodiesel. Setakat ini terdapat 294 premis memberi komitmen berterus dalam menjayakan program ini. (Lihat grafik 1)

Sementara bagi Infrastruktur Hijau, MPSJ menyediakan lampu berteknologi hijau di bangunan MPSJ, taman-taman permainan dan di sebahagian asset kami.

Sejak 2011, kami mensyaratkan semua pemaju untuk menyediakan lampu



“

MPSJ menerima Anugerah Green World Ambassadors 2015 di Leicester Square London, United Kingdom, 29 Jun lalu. Kami adalah satu-satunya PBT di Malaysia yang berjaya menerima anugerah ini

teknologi hijau bagi setiap pembangunan baru.

Apakah pencapaian yang berjaya diperolehi MPSJ dalam komitmen mewujudkan Bandar Hijau?

Usaha gigih membentuk Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030 ternya-

ta berbaloi apabila MPSJ menerima Anugerah Green World Ambassadors 2015 di Leicester Square London, United Kingdom, 29 Jun lalu. Kami adalah satu-satunya PBT di Malaysia yang berjaya menerima anugerah ini.

Kemenangan ini melayakkan MPSJ menerima Green World Award iaitu pengiktirafan tertinggi dalam pencapaian berkaitan alam sekitar dan keputusannya akan diumumkan di New Zealand Oktober ini.

Sebelum ini, MPSJ menerima Anugerah Emas di International Green Apple Awards For Environmental Best Practise 2014 di House Of Parliament, United Kingdom melalui projek The Biomass Way, 10 November 2014.

Dengan usaha dan kejayaan ini, saya berharap Projek Bandar Hijau MPKSJ 2030 disambut baik semua pihak. Inovasi cara berfikir dan bekerja perlu berterusan berlaku untuk menruskan hasrat murni ini.

UNISEL terima bonus sebulan gaji

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri membelanjakan lebih RM2,68 juta bagi pemberian imbuhan tahunan sempena Aidilfitri membabitkan sebulan gaji kepada 887 kakitangan Universiti Selangor (UNISEL).

Exco Pendidikan Selangor, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata pemberian itu bagi menghargai perkhidmatan dan memberi motivasi kepada warga kerja universiti milik Kerajaan Negeri itu.

unisel

"Pemberian sebulan bonus ini susulan pengumuman Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkenaan imbuhan tahunan kepada semua penjawat

awam Selangor bagi menghargai khidmat mereka.

"Ia juga antara usaha mencapai matlamat Kerajaan Negeri yang mengeengahkan teras Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipeduli," katanya pada sidang media di UNISEL, Kampus Shah Alam, di sini, 7 Julai.

Sementara itu, Presiden UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad pula mengucapkan

terima kasih kepada semua kakitangan-nya kerana memberi khidmat cemerlang walaupun turut terbeban dengan masalah kenaikan harga barang dan petrol.

"Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri atas bantuan itu. Aya harap selepas ini akan banyak lagi bantuan disalurkan seperti membangunkan prasarana," katanya



MPK banteras kegiatan iklan pinjaman wang haram

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan polis bekerjasama membanteras kegiatan iklan pinjaman wang haram.

Pengarah Penguatkuasa MPK, Andry Arman Masrom berkata, dalam operasi itu sebuah premis diserbu kerana disyaki menjalankan aktiviti percetakan iklan pinjaman wang secara haram.

"Sebanyak 1,000 daripadanya siap dan sedia dipasang dan 1,200 lagi masih lagi dalam proses penyiapan. Iklan itu dipercayai digantung di sekitar kawasan Klang," katanya.

percaya digantung di sekitar kawasan Klang.

"Kami syak premis ini terlibat kegiatan tidak bermoral selepas membuat intipan selama lapan hari hasil maklumat orang awam dan semakan ke atas lesen lama perniagaan," katanya dipetik Sinar Harian.

Katanya, pemilik didakwa dibawah Undang-Undang Kecil Perlesenan Trade, Perniagaan dan Perindustrian MPK 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen.

“Sebanyak 1,000 daripadanya siap dan sedia dipasang dan 1,200 lagi masih lagi dalam proses penyiapan. Iklan itu dipercayai digantung di sekitar kawasan Klang”

ANDRY ARMAN
Pengarah
Penguatkuasa MPK

MBSA edar 350 topi keledar percuma 13 Julai

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bakal mendedarkan 350 topi keledar secara percuma menjelang perayaan Aidilfitri yang bakal tiba.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti MBSA, Shahrin Ahmad, berkata program dilaksanakan sempena Kempen Selamat Balik Kampung bertempat di perhentian bas, Persiaran Jubli Perak, Seksyen 18, di sini, pada 13 Julai ini.

"Bertujuan sebagai peringatan kepada orang ramai supaya mementingkan keselamatan jalan raya terutama penunggang

motosikal yang sering menjadi mangsa kemalangan terutama pada musim perayaan.

"Ia juga bagi mendidik pengguna jalan raya untuk menunggang secara berhemah dan cermat sepanjang perjalanan pulang ke kampung," katanya dalam kenyataan media.

Shahrin berkata, 300 topi keledar dewasa adalah sumbangan SIRIM QAS International Sdn Bhd, manakala 50 topi keledar kanak-kanak sumbangan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR).

"Konsepnya adalah menukar topi keledar lama yang tidak me-



Shahrin Ahmad

nepati spesifikasi keselamatan.

"Ia juga bagi memastikan pemborong menggunakan topi keledar disahkan selamat mengikut piawaian dan ciri keselamatan yang ditetapkan," katanya.

MPSp guna sistem OSC 3.0

OLEH HAFIZAN TAIB

SEPANG - Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) menggunakan pakaai sistem pelaksanaan urusan pengeluaran permit pembinaan melalui model baharu Unit Pusat Setempat (OSC) 3.0 bermula 1 Julai lalu.

Yang Dipertua MPSp, Puasa Md Taib, berkata Kerajaan Negeri menetapkan perkara itu dan pihaknya mempraktikkan pelaksanaan sistem terbabit.

"MPSp secara dasarnya sudah menerima Pekeliling Setiausaha Kerajaan Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) berkenaan pelaksanaan urusan pengeluaran permit pembinaan melalui model baharu OSC 3.0.

"Mesyuarat penyelarasan bersama jabatan dalaman dan luaran terpilih diadakan bagi membincangkan tatacara terperinci berkenaan model baharu OSC 3.0 itu pada 10 Jun lalu," katanya.

Puasa berkata, ia berikutkan keputusan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) menguatkuaskan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757], 1 Jun lalu, maka Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dimansuhkan.

Katanya, Pertikaian dan Tribunal Pengurusan Strata, Akta 757 masih belum terpakai di Selangor.

"Justeru itu, sebarang tuntu-



“MPSp secara dasarnya sudah menerima Pekeliling Setiausaha Kerajaan Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) berkenaan pelaksanaan urusan pengeluaran permit pembinaan melalui model baharu OSC 3.0”

PUASA MD TAIB
Yang Dipertua MPSp

tan pihak berkepentingan boleh dibuat berdasarkan peruntukan lain di dalam Akta 757.

"Semua pihak berkepentingan di sesuatu kawasan pemajuan strata dipohn mengambil langkah sewajarnya berkuatkuasanya akta itu," katanya.

MBSA hargai kerjasama erat peranan media

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meraikan media sempena Ramadan dalam usaha menghargai usaha pihak berkenaan memberikan liputan aktiviti.

Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad berkata, seramai 60 media diraikan dalam majlis berbuka puasa di Dewan Banquet di sini pada 4 Julai lalu.

Turut diadakan ialah majlis sumbangan kepada anak yatim

Pertubuhan Pengurusan Rumah Safiyyah, Seksyen U10 dan pelajar tahfiz Maahad Tahfiz An-Nabawi (MATAN), Seksyen 8.

"Kita mahu memperkasa dan mengukuhkan hubungan silaturrahim antara media dengan MBSA," katanya.

Majlis disempurnakan Datuk Bandar Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad dan dihadiri ahli-ahli majlis MBSA.

Pelihara alam sekitar

Haram guna bekas polisterina

OLEH NAZLI IBRAHIM

KAJANG - Penggunaan bekas makanan polistirena bakal diharamkan di negeri itu dalam tempoh dua tahun bagi menjaga alam sekitar.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong Keat Ping berkata, program itu giat dijalankan di semua pihak berkuasa tempatan (PBT).

Katanya, kebebasan diberikan kepada PBT menentukan bentuk kempen itu dijalankan.

Dalam tempoh jangka masa pendek, didikan diberi kepada rakyat mengenai kesan penggunaan polistirena.

"Kemudian kita tetapkan beberapa dasar dengan beg plastik tidak boleh di kitar semula dan polistirena tidak lagi boleh digunakan di negeri ini.

"Buat masa sekarang perkara ini masih dibincang dengan beberapa pihak terlibat," katanya di Bazar Ramadan Batu 13, Cheras pada 2 Julai lalu.



Perkasa kecekapan sistem penyampaian maklumat

SEPANG - Sistem penyampaian maklumat Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) dipertingkatkan bersesuaian dengan kehendak serta keperluan rakyat.

Yang Dipertua MPSp, Puasa Md Taib, berkata pendekatan itu selaras peranan sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) selaku kerajaan ketiga dalam pentadbiran negara.

"Sistem penyampaian maklumat

cekap menjadi keutamaan kerajaan amnya dan khususnya PBT.

"Ia selaras dengan kehendak dan keperluan rakyat yang menetapkan kecekapan sistem penyampaian sebagai keutamaan agensi," katanya.

Puasa berkata, penyampaian perkhidmatan cekap, berkesan dan mesra pelanggan penting dalam usaha membentuk ker-

jaan mesra rakyat.

"Di bawah gagasan Merakyatkan Perkhidmat Awam (MPA) ditetapkan kerajaan, enam prinsip digariskan adalah keterbukaan iaitu minda terbuka dan mudah didekati, musuwarah serta turun padang.

"Ia turut merangkumi aspek insaniah, kekitaan serta kerjasama antara awam, swasta dan NGO," katanya.

Bawa bekas guna semula elak pencemaran

SHAH ALAM - Pengunjung bazar Ramadan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) digalakkan membawa bekas guna semula bagi mengurangkan penggunaan plastik dan polisterina.

MBPJ dalam satu kenyataan berkata ia bertujuan mewujudkan Petaling Jaya sebagai bandaraya bersih, hijau dan efisien.

"Anugerah diberi kepada peniaga dan pengunjung bertuah jika memenuhi syarat kelayakan menggunakan manguk tingkat dan pembungkus dari bahan biodegradable

tingkat dan pembungkus dari pada bahan biodegradable," kata Sekretariat Media MBPJ.

Katanya, MBPJ membuka kaunter di beberapa lokasi bazar bagi membolehkan peniaga dan pengunjung menjual minyak masak terpakai berharga RM0.80 sekilogram.

"Kaunter penembusan hadiah dibuka bagi pengunjung yang membawa bekas makanan sendiri ketika membeli makanan dan minuman di bazar Ramadan terpilih," katanya.

Anugerah diberi kepada peniaga dan pengunjung bertuah jika memenuhi syarat kelayakan menggunakan manguk tingkat dan pembungkus dari bahan biodegradable

Sekretariat Media MBPJ

MDHS tolak dakwaan roboh gerai bazar

KUALA KUBU BHARU - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menolak dakwaan dilemparkan pihak tertentu berkenaan isu peniaga bazar di tapak TESCO Bukit Beruntung.

Pegawai Komunikasi Korporat MDHS, Junainah Abdullah berkata tiada tindakan merobohkan gerai seperti didakwa sebaliknya hanya menyita barang setelah notis mencukupi diberikan.

"Kita hanya menyita barang perniagaan setelah peniaga gagal mematuhi notis dikeluarkan untuk ikut arahan dikeluarkan majlis.

"Walau bagaimanapun MDHS memulangkan semula peralatan itu setelah peniaga bersetuju berpindah ke tapak disediakan atas ihsan pihak majlis setelah perbincangan di tapak," katanya dalam kenyataan media.

Katanya isu itu sengaja dijadikan 'viral' pihak tertentu untuk memburukkan nama baik MDHS.



Kita hanya menyita barang perniagaan setelah peniaga gagal mematuhi notis dikeluarkan untuk ikut arahan dikeluarkan majlis

JUNAINAH ABDULLAH
Komunikasi Korporat MDHS

"MDHS mengambil tindakan lanjut sekiranya pihak bertanggungjawab tidak menyelesaikan isu itu segera," katanya.

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Pengenalan (HAKAM) Negeri Selangor 2014 mampu menyelesaikan pertengkaran suami dan isteri yang bermasalah, kata Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin.

Zuraida berkata, Mahkamah Syariah kini boleh membenarkan penceraian walaupun tanpa kerjasama suami dengan pengenalan itu.

"Ia lebih baik daripada membiarkan isteri terkontang-kanting dengan perbicaraan yang berlanjutan berhubung fasakh atau taklik."

"Ibu bapa perlu memutuskan demi kebaikan anak walaupun tiada jawapan jelas bagaimana menghadapi perkahwinan yang gagal," katanya dalam kenyataan.

Kaedah HAKAM adalah seba-

HAKAM elak isteri terkontang-kanting

hagian daripada Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.

HAKAM merujuk kepada penimbang tara yang diberi kuasa oleh mahkamah untuk menyelesaikan pertengkaran antara suami isteri.

Seorang HAKAM boleh dilantik dalam kalangan anggota keluarga yang rapat dengan pasangan bertelahah tertakluk kepada syarat tertentu.

Antaranya, HAKAM mesti lelaki Islam yang mempunyai pengetahuan asas dalam hal keluarga dan hukum syarak seperti dinyatakan dalam enakmen berkenaan.

"Selangor adalah negeri pertama menguatkuasa perubahan ini. Saya harap negeri lain akan ikut."

"Saya bersyukur Ketua Hakim Selangor, Dr Naim Mokhtar memperkenalkan polisi ini. Saya percaya ada wanita yang berkeupayaan menjadi HAKAM pada masa hadapan," katanya.



“Ia lebih baik daripada membiarkan isteri terkontang-kanting dengan perbicaraan yang berlanjutan berhubung fasakh atau taklik”

ZURAIDA KAMARUDDIN
Ahli Parlimen Ampang



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada petender - petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa dibenarkan menyertai tender berikut:-

No Tender	Tajuk Projek	Kod Bidang	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Taklimat Kerja Diwajibkan	Harga Dokumen
PTGS/TENDER 01/2015	KERJA-KERJA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENCETAK, MENGISIH DAN MENGEPOS BIL CUKAI TANAH 2016	KKM Taraf: Bumiputera Kod Bidang: 221601 atau 221602 atau 221603 atau 221604 atau 221605 atau 221606 atau 221615(baru) Mempunyai Lesen Mesin Cetak Yang Sah Dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).	Bahagian Khidmat Pengurusan , Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor. Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	Tarikh: 10 JULAI 2015 (Jumaat) Masa: 09.30 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Cenderawasih, Bahagian Pendaftaran Tingkat G, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, Bangunan SSAAS, Shah Alam, Selangor	RM100.00

1.Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai 06 JULAI 2015 (ISNIN) pada waktu pejabat di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam , Selangor Darul Ehsan

2.Dokumen Tender akan dijual dari 06 JULAI 2015 hingga 27 JULAI 2015 pada waktu pejabat. Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.

3.Hanya pengurus/pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti di dalam sijil pendaftaran dibenarkan mengambil atau memberi kuasa kepada kakitangan syarikat untuk mengambil Dokumen Tender.Petender/Wakil hendaklah membawa bersama SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM) DAN SIJIL UPEN

4.Salinan-salinan perakuan dan Sijil Pendaftaran yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Draf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama" BENDAHARI NEGERI SELANGOR".

5.Tarikh tutup tender ini adalah pada 27 JULAI 2015 bersamaan hari ISNIN jam 12.00 tengahhari.

6.Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda kenyataan tender di sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat seperti berikut:

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
Tingkat 4 PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, SELANGOR



“Saya dapat pinjaman HIJRAH lebih dua bulan lalu sebagai modal produk syampu ini. Alhamdulillah, ia terjual lebih 10,000 botol sejak berada di pasaran,”

**ARSIDAH
Pengusaha Syampu**

rima RM5,000 hingga RM10,000 dan boleh memohon pinjaman tambahan sehingga RM50,000 jika membayar balik pinjaman secara konsisten.

Program itu diperkasakan melalui Skim Mikrokredit (SKIM-SEL) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) yang diperkenalkan Kerajaan Selangor bagi membolehkan golongan miskin berhijrah ke kumpulan berpendapatan menengah.

HIJRAH lonjak jualan 10,000 botol syampu

PAYA JARAS - Pengasas syarikat Bunga Kosmetik Interprise, Arsidah Hiyah, teruja apabila pembayaran modal kerja yang diperoleh melalui skim HIJRAH berjaya merealisasikan impiananya mengeluarkan syampu jenama sendiri.

Arsidah, 35, yang mengusahakan jenama Harum Syampu berkata, produk itu sudah terjual lebih 10,000 botol dalam masa dua bulan.

"Saya dapat pinjaman HIJRAH lebih dua bulan lalu sebagai modal produk syampu ini. Alhamdulillah, ia terjual lebih 10,000 botol sejak berada di pasaran," katanya pada Majlis Penyerahan Cek HIJRAH kepada 73 peserta, pada 4 Julai lalu.

Arsidah berkata, sambutan terhadap syampu khusus untuk wanita bertudung itu membuatkannya lebih yakin untuk mencapai sasaran 50,000 botol sebulan.

"Kini, syampu saya dijual oleh ejen seluruh Selangor, Kuala Lumpur, Sabah dan beberapa kedai kecantikan."

"Selepas ini, saya bercadang memasarkan produk ini lebih agresif di kedai kecantikan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya.

Arsidah juga merancang mengembangkan lagi perniagaannya ke peringkat lebih tinggi dengan menambah pembiayaan HIJRAH.

Sementara itu, Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman berkata, peserta HIJRAH mene-

JAIS lupus Al-Quran guna teknologi terkini

OLEH HAFIZAN TAIB

PETALING JAYA - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengambil inisiatif melaksanakan pelupusan Al-Quran secara sistematis dan mengikut syariah Islam, bermula Ogos ini.

Pengarah JAIS, Datuk Haris Kasim, berkata langkah itu diambil bagi membantu masyarakat membabitkan dua lokasi awal iaitu di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat dan Kuala Selangor.

"Umat Islam yang ingin melaksanakan pelupusan Al-Quran roskak atau lama boleh berbuat demikian di dua lokasi berkenaan.

"Relau pelupusan dibina dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Universiti Teknologi Mara (UiTM) menggunakan teknologi tinggi dengan pengakhirannya bertukar menjadi air bukan abu seperti yang biasa berlaku," katanya.

Haris berkata demikian ketika



perasmian masjid oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan sambutan Nuzul Al-Quran di Masjid Islamiah, Kampung Lindungan, di sini.

Turut hadir, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali serta Exco Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, Haris berkata, pembinaan masjid baharu berkenaan bagi memenuhi permintaan masyarakat setempat kerana yang sedia ada tidak lagi mampu menampung bilangan jemaah.

Katanya, pembinaan bermula pada 2010 di kawasan seluas 7.35

ekar dengan kos RM5.4 juta dan siap sepenuhnya, pada pertengahan 2012.

"Diharap, ia memberi suntikan semangat kepada ahlijawatankuasa dan kariah dalam mengimarahkannya bagi tujuan meningkatkan syiar Islam," katanya.

Asrama asnaf di seluruh daerah

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) berusaha memperluaskan asrama anak asnaf di seluruh daerah bagi memberi kemudahan dan pembelajaran terbaik.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hussin Mohd Ali, berkata LZS kini bekerjasama dengan sebuah institut pengajian tinggi awam bagi merangka jadual pembelajaran selepas tamat sesi persekolahan.

"Kita juga bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memastikan anak asnaf ini disajikan dengan menu berkhasiat dan berzat tinggi," katanya.

Katanya, LZS mempunyai dua asrama asnaf iaitu Baitul Hasanah di Hulu Selangor dan Klang yang menempatkan lebih 200 pelajar.

"Inilah cara kita memberi pendidikan terbaik supaya mereka dapat membawa keluarga keluar daripada kepompong kemiskinan satu hari," katanya.

LZS kini bekerjasama dengan sebuah institut pengajian tinggi awam bagi merangka jadual pembelajaran selepas tamat sesi persekolahan

Worldwide serah zakat perniagaan RM2.16 juta

SUNGAI BULOH - Worldwide Holdings Berhad (WHB) menyerahkan lebih RM2.16 juta sebagai zakat perniagaan kepada Lembaga Zakat Selangor, di Masjid Saujana Utama Baru, di sini, pada 1 Julai lalu.

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima bayaran zakat itu daripa-

da Pengurus WHB, Datuk Noordin Sulaiman untuk tahun kewangan 2014.

Baginda sebelum itu menyampaikan sumbangan hari raya kepada 285 asnaf fakir dan miskin, 100 mualaf serta 159 anak yatim.

Hadir sama, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Setiausaha

Kerajaan Negeri; Datuk Mohammed Khusrin Munawi; Pengurus Majlis Agama Islam Selangor, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa; Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyes Abd Wahid; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Datuk Haris Kasim, dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Husin Mohd Ali.


LZS bukan seperti dalam kartun

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) bukan seperti yang digambar dalam satu lukisan kartun berkenaan badan zakat di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hussin Mohd Ali, LZS mempunyai pir 50 eksekutif zakat di sembilan daerah bagi menguruskan 1,400 keluarga asnaf.

Katanya, LZS mengambil berat hal ehwal keluarga asnaf bermula peringkat tadika hingga pengajian tinggi.

"Kini, kita dalam usaha memberikan kursus kemahiran kaunseling kepada warga kerja LZS sama ada di kaunter atau lapangan



"Usaha ini diyakini membantu LZS memainkan peranan dalam masyarakat dengan lebih berkesan kerana yang diperlukan lebih daripada sekadar kewangan.

"Penekanan juga akan diberikan berkenaan agihan zakat dilakukan supaya masyarakat tahu dan tidak salah anggap dengan peranan LZS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis Iftar Media dan Blogger bersama warga emas di Pusat Jagaan Warga Emas Zakat Selangor (Bait Al Mawaddah), pada 5 Julai lalu.

Terdahulu, sebuah lakaran kartun menunjukkan ibu dan anak di depan bangunan zakat yang tinggi dan pelbagai saluran kaunter bayaran kem-

“Kini, kita dalam usaha memberikan kursus kemahiran kaunseling kepada warga kerja LZS sama ada di kaunter atau lapangan

HUSIN MOHD ALI
Ketua Pegawai Eksekutif LZS

bali menjadi viral.

Lakaran yang turut dikongsi di media sosial itu mengandungi dialog apabila si ibu memilih untuk mengemis daripada memohon zakat.

WAKTU SOLAT SELANGOR 10 - 17 JULAI 2015 23 RAMADAN - 1 SYAWAL 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
10 Jumaat	5:37	5:47	7:10	1:21	4:46	7:30	8:45
11 Sabtu	5:37	5:47	7:10	1:21	4:46	7:30	8:45
12 Ahad	5:37	5:47	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
13 Isnin	5:37	5:47	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
14 Selasa	5:38	5:48	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
15 Rabu	5:38	5:48	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
16 Khamis	5:38	5:48	7:11	1:22	4:46	7:30	8:45
17 Jumaat	5:38	5:48	7:11	1:22	4:46	7:30	8:45
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
10 Jumaat	5:39	5:49	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47
11 Sabtu	5:39	5:49	7:12	1:23	4:48	7:32	8:47
12 Ahad	5:39	5:49	7:12	1:24	4:48	7:32	8:47
13 Isnin	5:39	5:49	7:12	1:24	4:48	7:32	8:47
14 Selasa	5:40	5:50	7:12	1:24	4:48	7:32	8:47
15 Rabu	5:40	5:50	7:12	1:24	4:48	7:32	8:47
16 Khamis	5:40	5:50	7:12	1:24	4:48	7:32	8:47
17 Jumaat	5:40	5:50	7:13	1:24	4:48	7:33	8:47



KEMERIAHAN RAMADAN...

Berbuka puasa di kawasan padang di Dataran Kemerdekaan Shah Alam antara pilihan generasi muda untuk mengeratkan hubungan persaudaraan disamping dapat menghayati ibadah puasa serta bertukar juadah antara satu sama lain

Selangor kesal FAM tolak tunda perlawanan

SHAH ALAM - Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) kesal dengan keputusan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang menolak cadangan untuk menunda perlawanan bertemu pasukan JDT selepas Hari Raya Aidilfitri.

Pengurus Red Giants, Amirudin Shari, berkata beliau turut kesal atas tindakan FAM yang memberi pertimbangan kepada permohonan JDT tetapi tidak



mengendahkan permintaan Red Giants.

"Sedangkan, justifikasi perlawanan persahabatan tidak cukup kuat untuk menunda tarikh

perlawanan Liga Super yang dirancang awal.

"Saya percaya tarikh 28 Julai yang kami pilih tidak memadamkan kelebihan JDT sebagai tuan rumah perlawanan," katanya dalam kenyataan media.

Katanya, rayuan pengurusan dan pemain serta kepayaan penyokong setia Red Giants untuk perjalanan ke Johor tidak diambil pertimbangan.

"Bagaimanapun, Red Giants tetap akan memamerkan semangat juang tinggi apabila berdepan JDT di Larkin. Ini janji kami.

"Saya yakin, penyokong setia Red Giants akan memamerkan sorakan dan sokongan luar biasa, pada 13 Julai ini," katanya

“Saya yakin, penyokong setia Red Giants akan memamerkan sorakan dan sokongan luar biasa, pada 13 Julai ini”

AMIRUDIN SHARI

Pengurus Red Giants



Pembangunan sukan seluruh daerah Cungkil potensi bakat baharu olahraga

SHAH ALAM - Program pembangunan sukan digerakkan di setiap daerah di Selangor bagi melahirkan bakat baharu untuk diketengahkan ke peringkat negeri dan kebangsaan.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata program terbabit juga adalah salah satu fokus sebagai persiapan pasukan Selangor untuk menghadapi temasya sukan seperti Sukan Malaysia (SUKMA), tiga tahun lagi.

"Kita memberi penekanan kepada sukan olahraga. Selain itu, setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya dua sukan lain untuk dimajukan.

"Setiap daerah perlu membangunkannya dalam tempoh dua tahun hasil kerjasama Majlis Sukan Sekolah Daerah dan kelab di sekitarnya," katanya kepada Selangor Kini.

Katanya, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sudah membahagikan tanggungjawab itu kepada semua daerah di negeri itu.

Amirudin berkata, Kerajaan Negeri berharap program membawa hasil dan mampu mem-

“Setiap daerah perlu membangunkannya dalam tempoh dua tahun hasil kerjasama Majlis Sukan Sekolah Daerah dan kelab di sekitarnya”

AMIRUDIN SHARI
Exco Sukan

beri cabaran bermakna dalam SUKMA nanti.

"Namun, ia masih di peringkat awal. Kita juga belum menyalurkan dana secukupnya.

"Tahun hadapan, kita akan cuba memohon peruntukan bagi program berkenaan," katanya.

Berhubung pembangunan sukan wanita, beliau berkata, program dijalankan secara menyeluruh dan tidak membezakan antara gender.

"Dalam sukan, kita tidak mengikut gender. Contohnya badminton, ada lelaki dan wanita begitu juga sukan lain," katanya.